



Kemenangan Kuala Kubu Baharu bukti kerjasama erat dalam Kerajaan Perpaduan

Kemenangan calon Pakatan Harapan (PH) pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Baharu (KKB) tempoh hari menjadi bukti kerjasama erat parti-parti dalam komponen itu dan kestabilan Kerajaan Perpaduan.



MUKA 5

LAPORAN KHAS

SIDANG DUN NEGERI SEMBILAN



Hasil kutipan Kerajaan Negeri Sembilan cecah RM541 juta

MUKA 7



Projek 'flyover' Tol Senawang - Jalan Tasik Jaya lulus

MUKA 7



Kerajaan Negeri tidak pinggirkan DUN pembangkang

MUKA 8



KERJA "GILA" PMX

Dunia sentiasa menanti suara Anwar Ibrahim untuk membela Palestin

MUKA 2 DAN 3



Analisa: Tindakan Anwar Ibrahim luar biasa dari pemimpin dunia Islam lain

NAMA Anwar Ibrahim bukan asing bagi rakyat Palestin. Ketika dunia ditanya siapakah dalam kalangan pemimpin yang sentiasa konsisten dan komited memperjuangkan nasib Palestin?

Walaupun ramai yang bersemangat mendokong Palestin, tetapi tidak Anwar Ibrahim. Beliau kelihatan lebih tenang dan komited dengan suara yang lantang dan tindakan yang tegas membela nasib rakyat Palestin.

Pada tahun 1983 Anwar Ibrahim diisytiharkan sebagai Anak Palestin oleh Yasser Arafat kerana beliau terkenal dengan perjuangan di peringkat antarabangsa yang lantang membela hak rayat Palestin.

Selepas menjadi Perdana Menteri, beliau antara pemimpin yang sentiasa komited menyuarakan hak dan memberikan bantuan kepada Palestin.

Bermula 9 Januari 2023 hinggalah ke hari ini, beliau tidak pernah berhenti memikirkan nasib yang menimpa rakyat Palestin.

29 Ramadan 1445H telah tercatat satu lagi sejarah negara yang membuktikan betapa tinggi sifat manusiawi Anwar Ibrahim yang telah menggu-

nakan segala jaringan diplomasi di Timur Tengah dengan mengeluarkan ahli keluarga Muhammad Nadir Al-Nuri, seorang aktivis kemanusiaan yang telah berkahwin dengan warga Palestin.

Keluarga Nadir telah terperangkap di Rafah selama 183 hari dan situasi semakin tegang dan pelbagai kemungkinan boleh berlaku.

Sudah ada pertemuan awal Nadir dengan PMX sebelum ini. Tetapi PMX hanya memberi respon 'Insya Allah'.

Mungkin harapan Nadir ketika itu tidak yakin dengan segala rangkaian antarabangsa PMX.

Apabila Nadir dibawa bertemu dengan semua ahli keluarga Palestinnya dengan selamat,

Nadir sendiri yang mengakui PMX adalah "master mind" kepada "Misi Gila" ini.

Jika rakyat Palestin yang berkahwin dengan rakyat Malaysia pun PMX boleh bantu selesaikan masalah, ini kan masalah rakyat Malaysia, pastinya bukan sahaja "Kerja Gila" yang boleh PMX lakukan. "Kerja diluar Kegilaan" pun beliau mampu laksanakan.

Banyak lagi "Misi Gila" yang akan dibuat PMX untuk Malaysia. Kalau depan Olaf Scholz pun PMX boleh tegur dunia tentang Palestin, bukanlah suatu yang mustahil perubahan dalam Malaysia.

Cerah masa depan Malaysia untuk tahun-tahun mendatang.



Kelantangan Anwar di peringkat antarabangsa termasuklah ketika berhadapan dengan pemimpin pro Israel mendapat perhatian dunia.



'Misi gila' Anwar mengeluarkan keluarga Nadir dari bumi Gaza sangat memberi kejutan ramai.



Bertemu pemimpin Islam dunia menyatakan komitmen Malaysia terhadap pembebasan Palestin



Ketua Editor:

Ahmad Shahir Mohd Shah

Setiausaha Akhbar YAB Menteri Besar Negeri Sembilan

SEBAGAI seorang muslim, kita tidak melihat sesuatu peristiwa yang berlaku tanpa ada sebab-musabab.

Seperti mana dugaan yang menimpa mana-mana manusia, ia pasti sudah ada ketentuan yang ditetapkan.

Kita yang melihat sepatutnya seratus kali ganda perlu mengambil pengajaran.

Penjajahan Palestin. Usaha Zionis bukan bermula 2 minggu yang lalu.

Tetapi lebih 120 tahun mereka telah merancang dan menakluk.

Zionis dengan alasan mahu mengekalkan susur galur bani Israel telah sedaya upaya melepasi pelbagai penindasan ke atas mereka.

Ia seperti balasan tuhan atas sejarah panjang kerja jahat orang-orang Yahudi ke atas nabi-nabi utusan Allah kepada mereka.

Jika Zionis merancang dan dilihat sedang berjaya, mengapa kita melihat kebangkitan Palestin tidak akan berjaya?

Bukan sedikit yang syahid untuk melihat Palestin bebas. Sheikh Ahmad Yasin yang berkerusi roda pun semangat memimpin Intifada.

Bukan sekadar kekuatan rakyat Palestin yang akan membebaskan mereka. Tetapi kesatuan masyarakat dunia yang akan memastikan Palestin bebas.

Bagaimana dan bila ia akan bebas, masih lagi menjadi rahsia tuhan sekalian alam.

Apa yang membuatkan pelajar Universiti California Los Angeles (UCLA) berkhemah di sekitar kampus dan sanggup di tangkap oleh pihak polis jika bukan keyakinan mereka Palestin pasti bebas?

Apa yang membuatkan ratusan ribu rakyat Eropah berarak dengan menuntut Palestin bebas jika bukan keyakinan Palestin pasti bebas?

Tiada seorang pun dalam dunia yang hidup di tahun 2024 akan boleh duduk diam jika melihat ribuan kanak-kanak tak berdosa dibunuh kejam.

Tiada seorang pun yang dalam dunia ini yang hidup secara waras akan boleh duduk diam jika Wanita dan orang tua dibunuh setiap hari?

Keyakinan Palestin pasti bebas. "From the river to the sea, Palestine must be free"

Perjumpaan dengan Hamas untuk wujudkan penyelesaian secara aman - Anwar

TOKYO: Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim mengulangi kenyataannya bahawa pertemuan beliau dengan pemimpin Hamas, Ismail Haniyeh dan Khalid Meshaal di Doha, Qatar minggu lepas adalah bagi memujuk mereka untuk tampil penyelesaian secara aman terhadap konflik di Gaza.

"Saya sudah kenal mereka (pemimpin Hamas) selama beberapa dekad dan tidak ada sebab mengapa kita tidak perlu bertemu dengan mereka.

"Saya katakan kepada mereka, sila hormati keputusan negara-negara jiran anda dan cuba untuk capai keamanan, pertukaran tahanan dan terima penyelesaian dua negara.

"Adakah itu satu kesalahan? Adakah saya menggalakkan keganasan? Tidak.

"Saya merayu kerana saya ada kelebihan, apa kelebihan saya? Saya kenal mereka, mereka anggap saya kawan," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan mengenai pertemuannya dengan Haniyeh dan Meshaal baru-baru ini di Qatar pada sesi soal jawab semasa Forum Masa Depan Asia ke-29 Nikkei di sini.

Beliau berkata, situasi Gaza adalah krisis kemanusiaan pada



skala yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

"Marilah kita melihatnya dalam konteks ini. Jangan hiraukan perbezaan dari segi ideologi atau hubungan dua hala dengan negara lain.

"Bolehkah kita dalam tempoh dan zaman ini menerima sahaja dan membutakan mata daripada melihat kekejaman luar biasa ini?"

"Kita boleh terus berbincang mengenai apa yang berlaku pada 7 Oktober, tapi jangan dipadamkan (kekejaman) tujuh dekad sejak zaman Nakba pada 1948.

"Sebab itu saya tegaskan bahawa kita cari resolusi aman, menyokong pendirian yang diambil oleh negara Islam jiran dan masyarakat antarabangsa, memaksa kedua-dua pihak menerima keamanan dan penyele-

saian dua negara.

"Apa yang penting sekarang ialah menghentikan pembunuhan, berhenti menembak wanita dan kanak-kanak, hentikan pemusnahan hospital, sekolah, gereja, masjid," katanya.

Sejak konflik Israel-Hamas memuncak kembali pada Oktober lepas, lebih 36,000 rakyat Palestin telah terbunuh di Gaza, dengan hampir 25,000 daripadanya adalah wanita dan kanak-kanak.

Perjumpaan dengan ketua biro politik Hamas Ismail Haniyeh dan bekas pengerusi Hamas Khalid Meshaal pada 13 Mei lepas, merupakan perjumpaan kali pertama Anwar dengan mereka sebagai perdana menteri.

Anwar pernah berjumpa dengan pemimpin Hamas itu dua kali sebelum ini, pada 2019 dan 2020.

Respon rakyat isu keluarga Nadir Al-Nuri dibawa keluar dari Palestin



"Usaha membawa balik isteri dan anak-anak Saudara Muhammad Nadir Al-Nuri dari bumi Palestin bukan satu perkara yang mudah. Banyak prosedur yang ketat kena lalui.

Justeru itu, usaha yang berjaya membawa balik keluarga Muhammad Nadir adalah satu kejayaan bagi perdana menteri."

MOHAMAD RAMDAN IBRAHIM
Generasi Baharu Felda



"Tahniah diucapkan kepada PM kerana berjaya membawa pulang keluarga Muhammad Nadir Al-Nuri dari tanah Palestin.

Kekuatan tidak datang dari kemampuan fizikal, tetapi ia datang dari semangat yang tidak pernah mengalah.

Sikap pemimpin yang berjiwa rakyat ini harus dicontohi oleh semua pemimpin lain.

NOOR FIKA MOHD NOOR
Pakar Solekan



"Di sebalik kejayaan membawa keluar keluarga Muhammad Nadir Al-Nuri dari Gaza, tidak dinafikan usaha dan komitmen dari PM. Tidak dilupakan juga semua pegawai yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam misi ini.

Tanpa komitmen yang tinggi dan sokongan PM, misi ini mungkin sukar dijayakan. Syabas kepada PM dan pegawai-pegawainya."

ABDUL HADI ABUYAN
Pengurus Jualan Insuran

Kronologi konflik 100 Tahun Palestin – Israel

1897 - Kongres pertama gerakan Zionis di Basel, Switzerland pada 29 Ogos. Ia memutuskan perjuangan "mendirikan sebuah negara untuk kaum Yahudi di Palestin dengan perlindungan undang-undang".

Setelah pengasasnya Theodor Herzl gagal dapatkan autonomi tanah daripada Sultan Uthmaniyah, gerakan ini meraih sokongan Britain. Pada 1903, kuasa penjajah ini mencadangkan tanah seluas 15,500 km persegi di Uganda kepada Zionis tetapi ditolak.

1917 - Setiausaha Luar Britain, Arthur Balfour berjanji serahkan tanah Palestin kepada pendatang Yahudi pro-Zionis dalam surat pendeknya bertarikh 2 November.

Warkah ini hanya 67 perkataan tetapi membawa malapetaka besar kepada Palestin hingga ke saat ini.

Kerajaan Uthmaniyah tewas di tangan Britain dalam Perang Jerusalem selama enam minggu bermula 17 November.

Sewaktu Jeneral Edmund Allenby melangkah masuk pada 11 Disember,

beliau dilapor berkata "Kemenangan Tentera Salib kini sudah lengkap". Britain kuasai penuh Palestin setahun kemudian.

1922 - Britain mula mentadbir Palestin di bawah mandat Liga Bangsa-Bangsa (badan lama sebelum PBB) sehingga 1948.

Menurut rekod rasmi Britain, hampir 380,000 pendatang Yahudi masuk ke Palestin mulai tahun ini hingga 1946.

1935 - Ulama dan pejuang terkenal Izzuddin al-Qassam terbunuh, mendorong penentangan lebih bersemangat terhadap kuasa asing dan kumpulan Zionis. Briged al-Qassam, sayap pejuang Gerakan Penentangan Islam (Hamas), diberi nama sempena tokoh ini.

1936 - Penentangan umat Islam Arab diteruskan lagi dan dipertingkat mulai 19 April tetapi berjaya ditundukkan 26 Ogos tiga tahun kemudian dalam peristiwa Pemberontakan Besar Arab.

1947 - PBB, terbentuk pada 1 Ogos 1946 daripada negara kuasa besar yang menang Perang Dunia Kedua, buat keputusan pecahkan Palestin

kepada negara Yahudi dan negara Arab dalam Resolusi 181. Waktu ini 67 peratus penduduk, atau 1.2 juta orang, masih lagi warga Arab yang menguasai 94 peratus tanah.

1948 - Britain melepaskan mandat, Israel isytihar kemerdekaan pada 15 Mei yang mendorong negara jiran Arab melancarkan perang.

Tanggal ini digelar Nakbah, atau malapetaka besar, yang dikenang seluruh warga Palestin setiap tahun.

Seramai 15,000 penduduk Palestin terkorban dan 750,000 dihalau ke negara-negara jiran. Enam juta keturunan mereka ini berada di 58 kem pelarian yang daif.

1950-an (hujung) Fatah, asalnya Gerakan Kebangsaan Pembebasan Palestin, ditubuhkan. Ia menjadi kumpulan terbesar dalam Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) dan sekarang membentuk parti yang menguasai Tebing Barat.

1964 - Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) ditubuhkan pada 2 Jun sebagai gabungan semua gerakan penentangan terhadap penguasaan

Israel.

Banyak perjanjian dengan kuasa Barat dan pertubuhan di dunia dibuat melalui PLO yang diiktiraf sebagai wakil penduduk Palestin.

1967 - Israel berjaya menguasai timur Jerusalem, Gaza, Tebing Barat, Bukit Golan (milik Syria) dan Sinai (Mesir) dalam Perang Enam Hari pada 5 Jun.

Peristiwa duka akibat tewasnya negara-negara Arab ini disebut Naqsr atau kemunduran.

Pada 22 November, Majlis Keselamatan PBB sebulat suara meluluskan Resolusi 242 yang mendesak Israel menyerahkan semula wilayah yang dirampasnya dalam "konflik terkini" dan menghormati semua kedaulatan negara yang bertelagah.

Selain keputusan PBB pada 1947, resolusi ini sering dianggap sebagai asas penyelesaian dua negara dalam beberapa rundingan damai. Namun semua cadangan ini belum berjaya.

Bersambung di muka 16 >>

Negeri Sembilan bakal cipta sejarah, kilang proses susu lembu terbesar

SEREMBAN: Negeri Sembilan bakal memiliki kilang pengeluaran susu lembu terbesar di Malaysia.



EXCO (Kanan) Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup, YB Dato' Seri Jalaluddin Alias berkata, Fraser & Neave Holdings Bhd (F&N) sedang membangunkan ladang tenusu bersepadu di Gemas.

"Baru-baru ini saya telah mengadakan lawatan ke Wei Gang Dairy Farm yang terletak 160 kilometer dari bandar Nanjing di China.

Inilah model dairy farm yang akan



kita gunakan di Gemas, Negeri Sembilan pada penghujung tahun ini (2024).

"Kita mengambil konsep, model

dan teknologi yang sama dari China tetapi di Gemas nanti, kita akan melakukan beberapa penambahbaikan dari segi teknologi terkini

terhadap beberapa perkara dan ia bakal menjadikan dairy farm kita lebih canggih berbanding yang ada di Nanjing.

"Kita bukan sahaja mengambil pedoman terhadap contoh-contoh terbaik dunia, malah kita juga melakukan R & D dan penambahbaikan berdasarkan teknologi terkini dan kesesuaian keadaan di tempat kita bagi sesuatu projek atau usaha baharu yang ingin diperkenalkan.

"Semuanya ini bagi membawa hasil yang optimum dan manfaat berganda kepada rakyat kita sendiri," kata Jalaluddin.

Lebih 12,000 pengunjung hadir Rumah Terbuka Aidilfitri



PORT DICKSON: Lebih 12,000 pengunjung telah hadir bagi memeriahkan sambutan Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Kerajaan Negeri Sembilan di hadapan Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson.

Majlis diserikan dengan keberangkatan DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir dan DYMM Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Aminuddin Harun berkata, sambutan ini mengeratkan lagi silaturrahim di antara pelbagai kaum di negeri ini.

"Kita dapat melihat meriahnya sambutan pada malam ini dengan kehad-

iran pelbagai lapisan masyarakat dan berbilang kaum.

"Ini menunjukkan walaupun kita sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum tetapi masih mampu hidup dalam keadaan aman dan harmoni.

"Terima kasih saya ucapkan kepada semua yang hadir dan menjayakan sambutan ini," kata Aminuddin.



Gaji penjawat awam naik lebih 13 peratus, gaji minimum RM2,000

OLEH FAIZ ABDULLAH

PERDANA Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim telah mengumumkan kenaikan gaji penjawat awam lebih 13 peratus dan gaji minimum melebihi RM2,000 sebulan.

Pengumuman ini akan memberi manfaat kepada 1.6 juta penjawat awam.

Kenaikan gaji penjawat awam sebelum ini adalah pada tahun 2012 dengan kadar 13 peratus.

Namun, Anwar berjanji bahawa kenaikan bermula pada bulan Disember ini akan melebihi 13 peratus.

Kenaikan lebih 13 peratus dan gaji minima lebih RM2,000 ini melibatkan peruntukan lebih RM10 billion; dan perincian mengenai kenaikan ini akan diumumkan ketika pembentangan Bajet 2025 pada Oktober ini.

Gaji minima semasa penjawat awam ketika ini ialah RM1,795.

Anwar juga berharap syarikat swasta turut mengikut langkah kerajaan dengan menaikkan gaji pekerja di syarikat masing-masing.

Dalam pada itu, Anwar tidak melupakan kebajikan golongan pekerja di Sabah dan Sarawak dan mengumumkan Kerajaan Negeri Sabah dan

Sarawak setuju pinda Ordinan Buruh yang akan diselaraskan dengan Akta Kerja 1955 yang terpakai di Semenanjung Malaysia.

Rang Undang-Undang (RUU) pindaan akan dibentangkan pada Persidangan Parlimen akan datang.

Apabila Rang Undang-Undang ini diluluskan, ia akan memberi manfaat kepada golongan pekerja di Sabah dan Sarawak seperti berikut:

1. Cuti bersalin dari 60 hari kepada 90 hari.
2. Cuti Paternity (suami) tujuh hari.
3. Kerja Waktu anjal (flexible working hours).
4. Perlindungan daripada gangguan seksual.
5. Peruntukan aduan diskriminasi.
6. Peruntukan mengenai aduan.

Semua pengumuman ini sempena sambutan Hari Pekerja pada tahun ini membuktikan Anwar adalah seorang pemimpin yang 'Walk the Talk'.

Semestinya penjawat awam berasa dihargai dengan kenaikan gaji ini dan secara langsung mampu meningkatkan prestasi serta produktiviti mereka.

Ladang tenusu bersepadu di Gemas guna sistem nyah bau



SEREMBAN: Ladang tenusu bersepadu F&N di Gemas bakal menggunakan sistem nyah bau dari China. EXCO (Kanan) Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup, YB Dato' Seri Jalaluddin Alias berkata, beliau telah mengadakan

lawatan ke sebuah ladang tenusu di China.

Ladang tenusu bersepadu di China ini menggunakan sistem kawalan bau yang berfungsi untuk menghilangkan bau supaya kawasan ladang dan sekitar tidak dicemari bau yang kurang menyenangkan.

"Lazimnya kalau kita masuk ke ladang penternakan haiwan, kita sukar untuk kawal bau busuk dari najis dan haiwan tersebut.

"Namun, Insha Allah di kilang

penternakan lembu tenusu Gemas nanti, masalah pencemaran bau akan cuba diselesaikan melalui sistem berkenaan.

"Ia berfungsi melalui kipas sedutan bau yang menyerap bau-bau di ladang dan masuk ke bilik khas, sebelum ia sekali lagi diserap oleh penapis berkelembapan tinggi di bilik berkenaan.

"Seterusnya penapis tersebut akan menyerap bau dan melepaskan udara tanpa bau keluar dari bangunan ladang berkenaan," katanya.

Jalaluddin berkata, beliau sudah berbincang dengan F&N dan sistem nyah bau yang pertama di dunia ini akan dibawa ke Negeri Sembilan tidak lama lagi.

Kemenangan Kuala Kubu Baharu bukti kerjasama erat dalam Kerajaan Perpaduan

KUALA LUMPUR: Kemenangan calon Pakatan Harapan (PH) pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN)08 Kuala Kubu Baharu (KKB) tempoh hari menjadi bukti kerjasama erat parti-parti dalam komponen itu dan kestabilan Kerajaan Perpaduan.

Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Fadillah Yusof berkata, kemenangan ini seharusnya memberi mesej supaya Kerajaan Perpaduan hari ini supaya bekerja dengan lebih keras dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

"Pengundi sudah memilih, maka siapa terpilih jadilah

wakil rakyat dengan sebaik mungkin supaya kita dapat membuat yang terbaik kepada rakyat.

"Sementara itu, Fadillah berkata Kerajaan Perpaduan akan terus menumpukan kepada pembangunan ekonomi dan usaha membantu rakyat dalam pelbagai aspek.

"Yang penting adalah bagaimana kita nak struktur semula supaya kita mempunyai kemampuan dari segi kewangan dan dengan kemampuan itu kita dapat fokus bangunkan negara kita dari segi projek dan fokus kepada bantuan dan terus kepada rakyat," katanya.

Ubah sikap buang sampah di sungai - Aminuddin

MENTERI Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun menegur sikap sebahagian masyarakat yang membuang sampah di sungai.

"Mereka masih menggunakan sungai sebagai tempat paling mudah membuang sampah

"Perabot yang rosak dan minyak diesel pun buang dalam sungai.

"Buang sampah sarap dalam sungai dah menjadi perkara yang biasa khususnya mereka yang tinggal berdekatan dengan sun-

gai," katanya.

Aminuddin berkata, walau pun kerajaan membelanjakan puluhan juta ringgit untuk kempen sungai bersih, tetapi kesedaran di kalangan masyarakat sangat rendah.

"Saya sendiri banyak kali nampak orang buang sampah di sungai bersebelahan Pasar Besar Seremban.

"Bagi saya ini orang yang tak ada adab.

"Saya minta orang Negeri Sembilan ubah sikap ini," ujar Aminuddin di Sidang Media Pasca Mesyuarat Exco di Wisma Negeri.

Jururawat kita, masa depan kita

SEREMBAN: Exco Kesihatan, Perpaduan, Penerangan, Integrasi Nasional dan NGO Negeri Sembilan, YB Tengku Zamrah Tengku Sulaiman telah merasmikan Program Hari Kejururawatan Sedunia 2024, anjuran Ahli Lembaga Pelawat Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban.

"Profession jururawat menuntut daya kesabaran yang tinggi.



"Sekalung penghargaan buat semua jururawat di Negeri Sembilan yang sentiasa berdedikasi melaksanakan tugas, yang sanggup berkorban tenaga, masa dan tenaga.

"Tiada nilai wang ringgit yang dapat diukur untuk menyatakan betapa berharunya anda kepada masyarakat di Negeri Sembilan.



"Terima kasih di atas segala pengorbanan yang diberikan. 'Our Nurses Our Future', 'The Economic Power Of Care,' kata Tengku Zamrah yang juga ADUN Ampangan.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan, Dato' Dr. Harlina Abdul Rashid dan Ahli-ahli Lembaga Pelawat Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban.


AL-FATIHAH

TAKZIAH DIUCAPKAN KEPADA SEMUA Keluarga
YTM DATO' LELA MAHARAJA DATO' HAJI MUHAMAD SHARIP BIN HAJI OTHMAN
UNDANG LUAK REMBAU
 Telah Kembali Ke Rahmatullah
 pada hari Rabu, 15 Mei 2024 bersamaan 7 Zulkaedah 1445h
 14 Ogos 1941 - 15 Mei 2024
 Semoga rohnyanya dicucuri rahmat dan diampuni dosanya serta ditempatkan dalam kalangan orang beriman dan beramal soleh
 Ikhtis Daripada

YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin Harun
 Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus

Kerajaan kaji dasar sumber manusia, perkasa kebajikan golongan pekerja

SAMBUTAN Hari Pekerja pada setiap tahun pada 1 Mei merupakan satu pengiktirafan kepada kaum pekerja.

Setiap sektor tidak kira pekerja sektor awam, sektor swasta mahupun berkerja sendiri tetap menjadi penyumbang kepada kemajuan negara.

Pada tahun ini sambutan Hari Pekerja 2024 dengan tema 'Pekerja Kesuma Bangsa' akan disambut dengan meriah di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) yang akan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

Pemilihan tema ini adalah seiring dengan hasrat Kerajaan untuk melahirkan modal insan yang mempunyai ciri-ciri kebudayaan, nilai dan aspirasi yang sama serta berkemampuan untuk berinovasi dalam meneroka bidang-bidang baru.

Penerokaan bidang-bidang baru yang mendepani ekonomi dunia merupakan faktor yang akan menentukan daya saing dan kemakmuran masa depan negara.

Kita sedia maklum bahawa Kementerian Sumber Manusia telah merangka beberapa dasar bagi Tahun 2024 yang dijangka mencabar.



Antara perancangan dasar Kementerian Sumber Manusia adalah Pembangunan Rangka Kerja Dasar Sumber Manusia Negara (2024 – 2030) di mana rangka kerja Dasar Sumber Manusia Negara (DSMN) 2024 - 2030 yang dijangka siapa pada suku kedua 2024.

Rangka kerja ini bertujuan untuk mencapai sasaran 35 peratus tenaga kerja mahir menjelang 2030 disamping menyokong konsep pekerjaan wajar di bawah Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) serta Agenda Pembangunan Mampan.

Kerajaan juga amat prihatin terhadap aspek kebajikan pekerja-pekerja gig

dengan penubuhan Jawatankuasa Pro Tem Penggiat Gig 2024 yang akan keluaran Garis Panduan Gig 2024 dalam kerangka dasar kawal selia dan perundangan yang bersesuaian.

Dalam pada itu, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Ekonomi dengan kerjasama yang rapat berusaha ke arah Dasar Gaji Progresif sebagai langkah reformasi pasaran buruh negara dalam memastikan peningkatan produktiviti.

Dasar Gaji Progresif bermula Jun 2024

Projek Rintis Dasar Gaji Progresif dijangka akan bermula Jun 2024 dengan penyertaan 1,000 syarikat dan melibatkan pekerja dari pelbagai sektor yang bergaji kurang dari RM5,000 sebulan.

Kerajaan juga begitu komited dengan Perlindungan Keselamatan Sosial kepada Pekerja dan ia selaras dengan dengan perkembangan semasa terutamanya risiko seperti perubahan iklim, teknologi, pola ekonomi dan pasaran kerja.

Menerusi usaha ini, kebajikan rakyat akan dilindungi menerusi peningkatan siling gaji bulanan bagi caruman PERKESO daripada RM5,000 kepada RM6,000 serta ia juga akan meningkatkan faedah tunai pada kadar 20.2 peratus untuk manfaat 1.45 juta pekerja dan tanggungan mereka.

Selain itu, hasrat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk menentukan pematuhan perundangan oleh majikan dalam pengurusan pekerja asing juga diberi penekanan yang khusus.

Penetapan tiga kriteria utama iaitu-

saringan majikan dari segi pematuhan undang-undang perburuhan, kelulusan pekerja asing berpaksikan keperluan sebenar (genuine demand) daripada majikan berlandaskan kuota yang ditetapkan mengikut sektor dan keselamatan negara dari segi negara sumber dan individu yang dibawa masuk bagi tujuan penggajian amatlah penting dalam memastikan aspek pertumbuhan ekonomi, kelangsungan perniagaan serta keselamatan negara terjamin.

Kerajaan Negeri Sembilan begitu agresif menerusi Jabatan Tenaga Kerja Negeri Sembilan dengan mengadakan Ops Bersepadu bersama Agensi bagi memastikan pematuhan garis panduan seperti yang ditetapkan oleh kerajaan dalam menjaga kebajikan pekerja.

Dengan pelaksanaan kajian yang terperinci terhadap dasar-dasar yang sedia ada berkaitan tenaga kerja pasti akan memberi impak terhadap kebajikan pekerja.

Kerajaan menerusi pelbagai agensi berusaha sedaya upaya dalam memastikan hak serta perlindungan kaum pekerja terjaga serta terjamin.

Saya juga mempunyai harapan yang tinggi terhadap usaha ini yang mampu melahirkan tenaga kerja mahir dalam mendepani dunia ekonomi yang semakin mencabar dengan ciri-ciri moden yang terkini.

Selamat Hari Pekerja Tahun 2024 kepada semua warga kerja.

YB Veerapan Superamaniam

EXCO Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan

Kerajaan Negeri Sembilan cari jalan penyelesaian isu pinjaman rumah Generasi Kedua Felda

PERTANG: Kerajaan Negeri Sembilan dan Felda sedang mencari jalan penyelesaian berhubung isu pembelian projek Perumahan Generasi Kedua Felda (PGBF) Felda Pasoh Satu.



Felda yang baik, namun tidak layak membuat pinjaman dengan institusi kewangan atas pelbagai faktor seperti had umur.

"Kita akan cari jalan penyelesaian supaya mereka boleh membuat pinjaman bagi membolehkan mereka memiliki kediaman itu," jelas Jalaluddin.

Sebelum ini dilaporkan, pembeli yang membeli rumah berkenaan melalui perjanjian sewa beli pada 2018 dan perlu membuat pinjaman kewangan daripada institusi kewangan selepas lima tahun.

Masalah timbul apabila ada kalangan pembeli yang gagal membayar sewa bulanan kepada Felda.

Sebanyak 144 rumah PGBF dibina di Felda Pasoh Satu dan dijual dari RM90,000 berbanding harga asal RM160,000.

EXCO (Kanan) Kema-juan Desa, Perladangan dan Komoditi, YB Dato' Seri Jalaluddin Alias berkata, Kerajaan Negeri memahami kesulitan dialami Generasi Kedua yang sebelum ini sudah membayar projek PGBF menerusi perjanjian sewa beli sejak 2018.

"Kerajaan Negeri dan Felda akan mengadakan perbincangan agar mereka diberi kemudahan pinjaman daripada mana-mana institusi kewangan.

"Ada pembeli yang terikat dengan perjanjian sewa beli ini mempunyai rekod pembayaran kepada

Penjawat awam dinasihatkan tidak terpedaya dengan penipuan 'online'

PENJAWAT awam dinasihatkan supaya tidak terpedaya dengan tawaran tidak masuk akal.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berka-



ini banyak.

Sebanyak 2,216 kes pe-

ta, golongan pencen antara sasaran pihak 'scammer' kerana mereka tahu gra-tuiti golongan

niipuan dalam talian (online) direkodkan di Negeri Sembilan dengan jumlah kerugian RM42 juta tahun lalu.

Jumlah ini meningkat 192 kes berbanding tahun sebelumnya dengan kerugian RM37 juta.

KPT arah Universiti Malaya lebih tegas dalam isu sensitif

PUTRAJAYA: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memandang serius isu yang berlaku di Universiti Malaya dan telah mengarahkan laporan segera dikemukakan.

Menteri Pendidikan Tinggi, YB Senator Dato' Seri Dr.Zambry Abdul Kadir berkata, KPT mengambil maklum dan memandang serius isu yang berlaku berhubung tindakan seorang penceramah warga asing mengeluarkan kenyataan yang dilihat

mencetuskan kontroversi dan tidak menghormati sentimen masyarakat seperti tular di media sosial.

"Walaupun Institut Pengajian Tinggi diberi autonomi untuk memutuskan program intelektual tetapi itu bukan bermakna institusi bebas secara mutlak sehingga tidak mengambil kira sensitiviti masyarakat Malaysia.

"Setiap pihak perlu peka, berhati-hati dan membuat semakan latar belakang dengan teliti sebelum men-

jemput mana-mana individu atau pihak ke majlis dan program yang dianjurkan di mana-mana institusi.

"Sekiranya keserjanaan seseorang diselaputi dengan pelbagai kontroversi dan nilai akademik yang dipertikaikan, kenapa harus dibawa menjadi sarjana pelajar," kata Zambry.

Susulan itu, Zambry telah mengarahkan sebarang program dan aktiviti yang dijadual dihadiri penceramah itu dibatalkan segera.

Hasil kutipan Kerajaan Negeri Sembilan cecah **RM541 juta**



SEREMBAN: Prestasi pengurusan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan adalah amat menggalakkan apabila telah berjaya mengutip hasil sebanyak RM541.42 juta berbanding anggaran RM450 juta bagi tahun 2023.

Yang di-Pertuan Besar

Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir bertitah, prestasi ini juga telah mengubah belanjawan defisit RM108.96 juta kepada surplus RM4.93 juta.

"Susulan daripada kutipan surplus ini, rizab Negeri bagi Akaun Hasil Disatukan kini berada pada tahap

yang amat baik

iaitu sebanyak RM410.48 juta," titah baginda.

Baginda bertitah demikian di Istiadat Persidangan Pertama (Perasmian) Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri Ke-15.

59 projek pacu pembangunan pesisiran pantai Port Dickson

SEREMBAN: Sebanyak 59 projek dicadangkan bagi memacu pembangunan pesisiran Pantai Port Dickson.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun (PH-Sikamat) berkata, ia merangkumi 31 projek strategik/berimpak tinggi, 12 projek utama dan 16 projek sokongan yang akan dilaksanakan mengikut fasa pelaksanaan iaitu Fasa 1 (Tahun 2020-2023), Fasa 2 (2023-2026) dan Fasa 3 (2026-2030).

"Rancangan Kawasan Khas (RKK) Pesisiran Pantai Port Dickson yang disediakan untuk tindakan pelaksanaan oleh Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) melibatkan projek-projek berkaitan cadangan jalan, laluan keretapi dan landskap seperti mana saranan dan kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri Khas Negeri Sembilan Bil.5/2021 pada 4 Mei 2021.

"Salah satu projek yang telah dirangka pelaksanaannya oleh PLANMalaysia dan MPPD adalah penyediaan Pelan Tindakan Khas Bandar Lady Dickson Park, Port Dickson.

"Pembangunan projek ini yang berkonsepkan taman bandaran atau Taman Linear



(Linear Park) akan melibatkan komponen pembangunan seperti berikut:

- i. Zon A : Kawasan Arca, Railway Gate dan 3D Signage
- ii. Zon B : Historical Interactive Zone (Rail Pump Car and Train Signal Pole)
- iii. Zon C : Taman Laluan Kereta Api berlandskap dan laluan pejalan kaki
- iv. Zon D : Outdoor Playground dan Outdoor Gymnasium
- v. Zon E : Skate Park
- vi. Zon F : Ampitheater
- vii. Smart Crossing

"Agensi-agensi lain yang berkaitan juga telah sedia maklum berkaitan cadangan projek di dalam RKK Pesisiran Pantai Port Dickson dan akan mempertimbangkan pelaksanaannya mengikut keutamaan projek tersebut," jelas Aminuddin.

Aminuddin berkata, Kerajaan Negeri juga sedang dalam perancangan untuk melaksanakan pembinaan sebuah pelabuhan AI di Pasir Panjang.

"Cadangan agar landasan baru atau aliran baru keretapi dari Seremban ke Port Dickson bagi pengurusan logistik telah dicadangkan dan pihak RAC juga telah diminta untuk menimbangkan perkara ini dalam masa terdekat," ujar beliau.

Tuanku zahir kegembiraan Negeri Sembilan capai sifar miskin tegar

SEREMBAN: Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir menzahirkan rasa gembira apabila Negeri Sembilan berjaya mencapai sifar miskin tegar pada penghujung tahun lalu.

"Beta difahamkan pencapaian ini melibatkan 3,530 Ketua Isi Rumah (KIR) seluruh Negeri Sembilan.

"Pencapaian ini amat membanggakan dan per-

lu dikekalkan bagi memastikan tiada lagi miskin tegar di negeri ini.

"Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa fokus dan memberi penekanan dalam menyediakan persekitaran kehidupan yang selesa dan kondusif kepada rakyat," titah Tuanku.

Baginda bertitah demikian di Istiadat Persidangan Pertama (Perasmian) Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri Ke-15.

Tuanku bangga pelabuhan bernilai RM2 bilion bakal dibina di Port Dickson

SEREMBAN: Sebuah pelabuhan kontena yang menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) membabitkan anggaran kos mencecah RM2 bilion, bakal dibina di Pasir Panjang, Port Dickson.

Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir bertitah, projek ini akan dapat menyokong ekosistem perindustrian di Negeri Sembilan dan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta.

Baginda bertitah demikian di Istiadat Persidangan Pertama (Perasmian) Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri Ke-15.

Tuanku turut bertitah, Malaysia Vision Valley 2.0 (MVV 2.0) merupakan pemangkin pembangunan Negeri Sembilan.

"Pembangunan fasa pertama MVV 2.0 memberi tumpuan kepada pembangunan taman perindustrian di Parcel A, Nilai, yang dijangka siap dibangunkan menjelang tahun 2027.

"Manakala, kawasan Parcel B MVV 2.0 di Labu berhampiran Techpark 3 @ Enstek akan dibangunkan dengan pembangunan bercampur bermula suku ketiga tahun ini.

"Selain itu, Kerajaan Negeri turut memberi perhatian kepada usaha bagi mengembangkan industri semikonduktor dengan pembangunan kawasan yang dikenali sebagai NS Semiconductor Valley ini dalam Parcel F MVV 2.0 berhampiran Taman Perindustrian Tuanku Jaafar," titah baginda.

Projek 'flyover' Tol Senawang - Jalan Tasik Jaya lulus

SEREMBAN: Projek pembinaan jambatan (flyover) dari Plaza Tol Senawang ke Jalan Tasik Jaya (Paroi) telah diluluskan.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun (PH-Sikamat) berkata, Kementerian Kerjaraya secara dasarnya telah meluluskan permohonan ini.

"Kementerian Kerjaraya sedang dalam peringkat pertimbangan mengenai harga tawaran kos pelaksanaan projek tersebut.

"Terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang menimbang dan meluluskan projek tersebut dan saya mengucapkan terima kasih kepada Dato' Seri Jalaluddin yang pada ketika itu merupakan Pengerusi Lembaga Lebuhraya Malaysia yang turut bertungkus lumus memastikan permohonan ini diluluskan," ujar Aminuddin.

Aminuddin berkata demikian bagi menjawab pertanyaan ADUN Seremban Jaya, YB P.Gunasekaran pada Persidangan DUN Negeri Sembilan.

41 Klinik Desa dinaiktaraf demi keselesaan rakyat Negeri Sembilan

SEREMBAN: Aspek kesihatan salah satu faktor utama dalam memastikan kesejahteraan masyarakat di Negeri Sembilan.

Justeru itu, kesemua daerah di Negeri Sembilan telah pun mempunyai Hospital Daerah. Selain itu, 95 buah Klinik Desa beroperasi dan dapat menampung keperluan penduduk di setiap kampung di dalam daerah Negeri Sembilan.

Exco Kesihatan, Perpaduan, Penerangan, Integrasi Nasional dan NGO, YB Tengku Zamrah Tengku Sulaiman (PH-Ampangan) berkata, perancangan terkini terhadap Klinik Desa adalah dengan menaik taraf infrastruktur fasiliti Klinik Desa.

"Projek naik taraf ini mengambil masa selama tiga tahun dan bermula pada tahun 2023 sehingga 2025.

"Pada tahun 2023, sebanyak 31 buah Klinik Desa telah menjalani pem-



baikan.

"Pada tahun 2024 sebanyak 10 buah Klinik Desa sedang dalam proses roboh bina dan akan menjalani proses pembaikan.

"Dengan projek naik taraf ini, maka perkhidmatan di Klinik Desa akan bertambah baik kepada penduduk, kata Tengku Zamrah pada Ucapan Penggugungan Persidangan Pertama (Perasmian) Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri Ke-15.

Sementara itu, bagi menjawab pertanyaan ADUN



Sungai Lui, YB Mohd Razi Mohd Ali (BN); permohonan bagi menaik taraf Klinik Kesihatan Lui Muda telah dibawa ke Kementerian Kesihatan Malaysia untuk projek Rancangan Malaysia-13 untuk penggantian Klinik Kesihatan jenis empat beserta kuarters.

"Pihak jabatan juga telah menaik taraf pendawaian elektrik bangunan Klinik Kesihatan Lui Muda," katanya.

Kerajaan Negeri peka dan ambil berat masalah rakyat

SEREMBAN: Kerajaan Negeri sentiasa peka dan mengambil berat isu dan permasalahan rakyat berhubung kos sara hidup yang semakin meningkat saban hari.

Exco (Kanan) Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup, YB Datuk Seri Jalaluddin Alias (BN-Pertang) berkata, melalui Belanjawan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2024, Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan dan langkah dengan memperkenalkan Skim Sejahtera Rakyat (SSR) yang merupakan suatu bentuk bantuan kepada pelbagai kelompok masyarakat yang memerlukan dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM29.75 juta.

Selain daripada bantuan secara berkala dan one-off, antara intervensi Kerajaan Negeri dalam mendepani masalah kenaikan kos sara hidup yang dihadapi rakyat Negeri Sembilan secara amnya adalah dengan melalui inisiatif-inisiatif peningkatan pendapatan yang melibatkan golongan miskin tegar, miskin dan B40 di kawasan bandar mahupun



di luar bandar.

"Sehingga kini, seramai 6,135 usahawan telah menerima manfaat daripada Inisiatif TUNS sejak diperkenalkan pada tahun 2019 melibatkan 2,616 usahawan dari luar bandar (Jempol, Jelevu, Tampin, Kuala Pilah dan Rembau). Manakala Inisiatif TUNS Plus telah memanfaatkan seramai 616 usahawan sejak tahun 2021.

"Kerajaan Negeri turut menjalinkan kerjasama erat bersama Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR).

"Terdapat empat inisiatif di

bawah IPR iaitu Inisiatif Usahawan Tani (INTAN); Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN); Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN) dan Program Pembasmian Kemiskinan Tegar (BMT)," jelas Jalaluddin lagi.

Jalaluddin berkata, objektif IPR ini merupakan suntikan bantuan daripada Kerajaan bagi memastikan golongan sasar iaitu miskin tegar, miskin dan B40 dapat meningkatkan pendapatan melalui bantuan kewangan, khidmat nasihat serta kursus-kursus yang ditawarkan oleh agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

100 bas baharu untuk perkhidmatan bas berhenti-henti di Negeri Sembilan



SEREMBAN: Kementerian Pengangkutan (MOT) dengan Kerjasama Kerajaan Negeri akan menyediakan 100 buah bas baharu untuk perkhidmatan bas berhenti-henti di Negeri Sembilan bermula 1 Julai ini.

Exco Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan, YB J.Arul Kumar (PH-Nilai) berkata, MOT telah melantik dua operator untuk melaksanakan perkhidmatan bas berhenti-henti bermula 1 April untuk lima tahun.

"Kontrak operator lama telah tamat pada 31 Mac 2024 dan bermula 1 April sehingga 30 Jun adalah tempoh peralihan kepada operator baharu.

"Selepas 1 Julai, kedua-dua operator ini perlu menyediakan 100 buah bas baharu dengan empat buah bas elektrik untuk perkhidmatan bas berhenti-henti di seluruh

Negeri Sembilan.

"Keberkesanan dan keperluan laluan yang sedia ada juga akan dikaji agar setiap laluan dapat meningkatkan 'ridership'," kata Arul Kumar.

Arul Kumar berkata demikian bagi menjawab pertanyaan lisan ADUN Temiang, YB Ng Chin Tsai (PH) pada Persidangan Pertama (Perasmian) Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri Ke-15.

Menurut Arul Kumar lagi, Kerajaan juga sedang mempertimbangkan beberapa inisiatif baharu dan menambahkan inisiatif yang sedia ada untuk memastikan peningkatan 'ridership'.

"Saya mempunyai harapan agar perkhidmatan bas berhenti-henti ini ditambah baik dengan kerjasama MOT dan Kerajaan Negeri untuk menambahkan penggunaan perkhidmatan bas berhenti-henti," jelas beliau.

Kerajaan Negeri tidak pinggirkan DUN pembangkang

SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan tidak pernah meminggirkan kawasan-kawasan yang dimenangi oleh pembangkang dalam agihan peruntukan selaras dengan prinsip ihsan kerajaan Madani.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, penyaluran peruntukan yang diberikan adalah di dalam bentuk projek-projek pembangunan dan kesejahteraan rakyat.

"Pada tahun lalu, sebanyak RM34.49 juta yang merangkumi 119 projek diluluskan di lima buah DUN pembangkang dan sehingga April lalu sebanyak RM16.46 juta merangkumi 91 projek diluluskan.



"Selain itu, kelima-lima DUN pembangkang ini juga turut menerima peruntukan pembangunan pada tahun lalu sebanyak RM5.15 juta dan RM5.4 juta pada tahun ini," ujar Aminuddin.

Aminuddin berkata demikian bagi menjawab soalan daripada Ahli Dewan Undangan negeri (ADUN) Labu, YB Hanifah Abu Baker.

6,459 peniaga kecil terima manfaat TUNS

SEREMBAN: Sejak Tabung Usahawan Negeri Sembilan (TUNS) diperkenalkan pada tahun 2019; sehingga kini seramai 6,459 peniaga kecil telah menerima manfaat dengan agihan peruntukan berjumlah RM19 juta.

Exco Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan, YB Veerapan Superamiam (PH-Repah) berkata, statistik ini menunjukkan syarat-syarat yang ditetapkan adalah relevan dan tidaklah sukar untuk dipenuhi.

"Untuk maklumat semua syarat-syarat permohonan TUNS pernah dipinda dan dilonggarkan pada tahun 2021.

"Pindaan adalah berkaitan



dengan tempoh perniagaan didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dikurangkan daripada enam bulan kepada tiga bulan sahaja.

"Syarat ini boleh dianggap sebagai syarat paling minima bagi memastikan perniagaan tersebut benar-benar beroperasi dan bukan didaftarkan semata-mata

untuk mendapatkan inisiatif TUNS dan TUNS PLUS," ujar Veerapan.

Veerapan berkata demikian bagi menjawab pertanyaan lisan ADUN Seri Menanti, YB Muhammad Sufian Maradzi (BN) pada Persidangan Pertama (Perasmian) Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri Ke-15.

Menurut Veerapan, selain daripada memastikan bantuan ini betul-betul sampai ke kumpulan sasar, syarat-syarat ini ditetapkan bagi memberi kesedaran kepada penaja dan peniaga kecil tentang kepentingan untuk memformalisasikan entiti perniagaan mereka yang seterusnya akan memudahkan mereka mendapat bantuan dan sokongan perniagaan yang ditawarkan oleh jabatan atau agensi kerajaan yang lain mahupun dari mana-mana institusi kewangan.

"Setiap permohonan TUNS diproses berdasarkan status sesuatu permohonan sama ada lengkap, memenuhi syarat dan mengikut asas 'yang dahulu, didahulukan' (first come, first serve

**SIDANG DUN
NEGERI SEMBILAN**



basis).

"Walau bagaimanapun, jumlah kelulusan permohonan bagi setiap tahun adalah tertakluk kepada peruntukan yang diterima.

"Oleh itu, mana-mana permohonan yang lengkap, memenuhi syarat dan yang dihantar lebih awal akan diutamakan untuk disenarai pendek dan seterusnya dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan TUNS.

"Bagi tahun 2024, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1 juta dan telah disalurkan kepada 324 penerima pada bulan April yang lalu," jelas Veerapan lagi.

Peruntukan RM0.5 juta atasi banjir di Labu

SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan dan Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan telah memperuntukkan sebanyak RM500,000 bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan yang melibatkan Jambatan Jalan Panglima 1, Batu 9, Pemuliharaan Tebing di Sungai Batang Labu, Kampung Pasir dan kerja-kerja pemuliharaan saliran di Kampung Lambar dan Kampung Gadong.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun (PH-Sikamat) berkata, Pejabat Daerah dan Tanah Seremban, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) telah mengenal pasti banjir kilat di Kawasan Labu adalah berpunca daripada isu pembentung dan aliran anak air Sungai Batang Labu dan Sungai Jerangkang yang tersekat.

"Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia dalam perancangan bagi melaksanakan kajian terperinci Rancangan Tebatan Banjir Sungai Batang Labu dimana kajian terperinci ini di-

jangka akan dimulakan oleh pihak perunding pada pertengahan tahun 2024.

"Isu banjir kilat ini dijangka dapat diatasi dengan kerja-kerja kecil naik taraf pembentung dan selenggara aliran anak air sungai.

"Sehubungan itu, PDTS sedang dalam tindakan permohonan peruntukan naik taraf pembentung melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan.

"Projek Yayasan Negeri Sembilan telah menerima cadangan daripada Kerajaan Negeri bagi menyiapkan kolam tadahan air dengan segera agar kejadian banjir tidak berulang.

"Kerajaan Negeri juga telah memohon agar disediakan Rancangan tebatan Banjir Labu daripada pihak Kerajaan Persekutuan kerana ianya melibatkan kos yang tinggi kerana melibatkan tanah-tanah persendirian," kata Aminuddin.

Aminuddin berkata demikian bagi menjawab pertanyaan ADUN Labu, YB Mohamad Hanifah Abu Baker (PN) pada Persidangan Pertama (Perasmian) Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri Ke-15.

Cadangan skim insuran kepada JPKK

SEREMBAN: Pada Persidangan Pertama (Perasmian) Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri Ke-15; ADUN Seremban Jaya, YB P.Gunasekaran (PH) telah mencadangkan agar diwujudkan skim perlindungan insuran kepada JPKK di seluruh Negeri Sembilan.

EXCO (Kanan) Kemajuan Desa, Perladangan dan Komoditi, YB Datuk' Seri Jalaluddin Alias menyambut baik cadangan tersebut dan menjelaskan buat masa ini faedah skim perlindungan insuran dan tuntutan perubatan tidak disediakan oleh KKDW untuk JPKK.

"Walau bagaimanapun, pihak KKDW mengambil maklum akan

cadangan tersebut.

"Untuk maklumat semua, kemudahan perubatan hospital kerajaan dan IJN bagi Pengerusi dan Setiausaha JPKK pada masa ini tidak disediakan, tetapi UPPIAU telah mengemukakan cadangan Ex-Gratia Kesihatan JPKK sebanyak RM50,000 setahun dalam bajet bagi tahun 2025.

"Ex-Gratia Kesihatan ini dicadangkan supaya JPKK mendapatkan kemudahan rawatan kelas kedua di hospital Kerajaan.

"Walau bagaimanapun, cadangan insurans untuk JPKK akan saya bawa ke peringkat pusat, Insya Allah," kata Jalaluddin.

Negeri Sembilan peruntuk RM0.5 juta baiki infrastruktur sukan

SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan telah memperuntukkan sejumlah RM500,000 bagi memperbaiki segala kemudahan infrastruktur sukan yang ada di Negeri Sembilan bagi meningkatkan mutu sukan di Negeri Sembilan.

Exco Pembangunan Belia dan Sukan, YB Mustapha Nagoor (BN-Palong) berkata, setiap ADUN-ADUN yang ada boleh memohon peruntukan tersebut bagi memperbaiki kemudahan sukan di tempat masing-masing tidak kira sama ada kemudahan sukan tersebut dibina oleh pihak kerajaan ataupun mana-mana syarikat dan NGO.

"Kerajaan negeri amat menitik beratkan aspek pembangunan sukan dan sangat prihatin terhadap keperluan kemudahan

sukan di Negeri Sembilan ini.

Penyediaan kemudahan sukan untuk kegunaan latihan, riadah dan Latihan kepada para atlet membuat persiapan dalam menyertai mana-mana kejohanan serta menggalakkan penglibatan generasi muda dalam aktiviti kesukanan tidak pernah diabaikan.

"Kerajaan Negeri Sembilan juga akan memastikan infrastruktur sukan yang ada atau pun yang bakal dibina mudah diakses oleh setiap golongan masyarakat di negeri ini.

"Kerajaan Negeri amat menitik beratkan aspek pembudayaan sukan dan gaya hidup sihat dan disebabkan itu sangat prihatin terhadap keperluan kemudahan sukan di Negeri Sembilan ini," katanya.

Tindakan jangka pendek dan jangka panjang **atasi banjir** di Seremban



SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan sedang melaksanakan tindakan jangka pendek dan juga jangka panjang bagi mengatasi kejadian banjir di sekitar Seremban.

Pegawai Daerah Seremban, Tuan Muhamad Najib Mustafa berkata, kejadian banjir yang melibatkan 363 keluarga di Paroi, Ampangan, Rahang, Mambau dan Rantau baru-baru ini adalah disebabkan hujan yang terlampau lebat dalam masa singkat.

"Ini menyebabkan air Sungai Linggi melimpah ke kawasan yang rendah.

"Terdapat masalah sistem perparitan di beberapa kawasan yang perlu dinaik

taraf.

"Justeru itu, kerja-kerja penyelenggaraan sistem saliran dalaman akan dilaksanakan sebagai penyelesaian jangka pendek.

"Untuk penyelesaian jangka panjang, projek PLSB Sungai Linggi Fasa 5 sedang berjalan dan akan disiapkan pada tahun 2030," jelas Muhamad Najib.

Muhamad berkata demikian selepas melawat mangsa banjir di Kampung Semarak, Rahang.

Turut bersama beliau, Setiausaha Politik Menteri Besar Negeri Sembilan, Ustaz Nor Azman Mohamad.

Ziarah Kasih Tampin santuni keluarga miskin tegar

TAMPIN: Program Ziarah Kasih anjuran Pejabat Daerah dan Tanah Tampin diadakan bagi menyantuni dan mendalami permasalahan yang dihadapi masyarakat kampung.

Sebanyak lima buah keluarga di kawasan Mukim Repah dan empat buah keluarga di kawasan Mukim Gemenchek yang terdiri daripada peserta e-kasih iaitu kelompok miskin tegar telah menerima sumbangan kewangan daripada Pejabat Daerah dan Tanah Tampin sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Penyerahan sumbangan tunai tersebut telah disempurnakan oleh ADUN Repah, YB Veerapan Superamaniam dan ADUN Gemenchek, YB



Suhaimizan Bizar.

Turut bersama Pengarah Wilayah FELDA Wilayah Raja Alias, Encik Mohd Said-tee Salleh; Penghulu Kanan Mukim Repah, Encik Mohd Azzian Basin, Penghulu Mukim Gemenchek, Encik Muhamad Shafiq bin Sidek;

Pengerusi JPKK Kampung Tampin Tengah, Encik Syed Khalid Syed Zin; Pengerusi JPKK Kampung Repah, Encik Zaharudin Johan; Pengerusi JPKK Kampung Felda Bukit Rokan, Encik Mohd Nizam Abd Rahman; Pengerusi dan Imam Masjid Felda Bukit Rokan.

Peranan Ibu Soko dan waris Soko dipelihara bagi rujukan generasi baharu



SERI MENANTI: Exco Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Sembilan, YB Noorzunita Begum Mohd Ibrahim berkesempatan bertemu Ibu Soko dan Waris Soko dalam Program Bual Bicara Adat - Penampilan Adab dan Budaya Wanita Adat Perpatih Negeri Sembilan di Balai Lengkungan, Istana Lama Seri Menanti.

"Program yang dianjurkan oleh Persatuan Ibu Soko / Waris Soko Adat Lingkungan ini bertujuan memelihara dan memperkasakan lagi Adat Perpatih Negeri Sembilan bagi generasi baharu.

"Ibu soko adalah wanita berpengalaman dan berpengalaman dalam perjalanan adat dan kelompok keluarganya sendiri di samping pakar rujuk dalam hal ehwal adat, sosial, ekonomi serta politik.

"Saya mendukung penuh program ini yang bertujuan untuk mengangkat keistimewaan Adat Perpatih Negeri Sembilan, demi kelangsungan warisan budaya yang berharga bagi masa depan generasi yang akan datang," kata Noorzunita Begum yang juga ADUN Pilah.

Salurkan maklumat buli ke talian kasih 15999

SEREMBAN: Orang awam terutamanya mangsa buli dan pengabaian diminta untuk menyalurkan aduan menerusi Talian Bebas Tol 15999 dan Aplikasi WhatsApp di nombor 019-2615999.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Datuk Seri Nancy Shukri menekankan bahawa kementerianya berdepan cabaran untuk menyalurkan kes-kes sebegini disebabkan kekurangan bukti kerana kebanyakan kes hanya dikongsi di media sosial.

"Kes buli membimbangkan dan mencerminkan ada sesuatu yang tidak kena dengan persekitaran kita. Apabila berlaku perkara sebegini, kita perlu bertindak," kata YB Datuk Seri Nancy ketika merasmikan Program Advokasi Perlindungan Kanak-kanak: Kasih Kanak-kanak yang disertai oleh 800 orang peserta termasuk pelajar sekolah.

Program advokasi ini disasarkan kepada 300 buah

sekolah merangkumi negeri-negeri seperti Negeri Sembilan, Kuala Lumpur, Selangor, Kelantan, Sabah, dan Sarawak.

YB Datuk Seri Nancy turut mengajak semua pihak untuk bersama-sama dalam program advokasi perlindungan kanak-kanak kerana Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) tidak mampu untuk bergerak sendirian.

Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat merekodkan sebanyak 7,520 orang kanak-kanak memerlukan pemerhatian dan perlindungan pada tahun 2023 dengan 405 daripada jumlah ini daripada Negeri Sembilan.

Majlis perasmian program advokasi ini turut dihadiri Timbalan KPWKM Datuk Dr Noraini Ahmad dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri, Puan Noorzunita Begum Mohd Ibrahim.

Aminuddin tak mahu MyKiosk dibiarkan terlalu lama

SIKAMAT: Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun tidak mahu kemudahan gerai MyKiosk dibiarkan dalam keadaan terlalu lama untuk diserahkan kepada peniaga.

Aminuddin berkata, kemudahan yang telah diberikan oleh Kementerian Pamban-

gunan Kerajaan Tempatan (KPKT) perlu diberi segera kepada peniaga.

"Saya meminta supaya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) supaya selepas ini apabila MyKiosk ini telah sampai, terus serahkan kepada peniaga.

"Jangan tunggu besok dah berkarat baru diberi kepada

peniaga.

"Saya faham proses lama kerana kita nak mengenal pasti peniaga yang memerlukan.

"Tapi mana yang kita dah kenal dan memerlukan gerai ini, serahkan sahajalah terus kepada mereka," katanya.



NOR SALIZA
Peniaga di MyKiosk Sikamat

"Gerai yang ditawarkan melalui inisiatif ini sangat berbaloi.

"Ini kerana gerai ini mampu menggantikan khemah yang seringkali rosak akibat hujan atau ribut.



ZAITI SAID
Peniaga di MyKiosk Sikamat

"Kadar sewa yang dikenakan adalah sangat berbaloi, kadar sewa sebulan adalah sebanyak RM100 dan kos selenggara adalah RM50.

"Ia menjadikan kos sewaan setiap bulan hanyalah sebanyak RM150 sahaja.

85 penternak kupang terjejas ribut terima bantuan RM34,500

PASIR PANJANG: Seramai 85 penternak kupang yang merupakan ahli persatuan nelayan Kawasan Telok Kemang dibantu oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan Pejabat Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Port Dickson.

Ahli Parlimen Port Dickson, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, bantuan ini adalah sebagai usaha meringankan beban para penternak kupang yang terjejas kerana pengeluaran kupang terpaksa dihentikan buat sementara waktu.

"Hal ini adalah kerana terdapat biotoksin yang berbahaya yang menjadikan kupang tidak selamat dimakan buat sementara waktu.

"Bantuan kewangan yang diberikan ini juga adalah sebagai usaha supaya pengusaha-pengusaha kupang di Port Dickson terus dibela.

"Bagi sisi Kerajaan Negeri



pula, kami bersama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan sentiasa berusaha untuk membantu meringankan beban yang ditanggung golongan nelayan," kata Aminuddin yang juga merupakan Menteri Besar Negeri Sembilan.

Aminuddin turut menambah, bahawa kerjasama Kerajaan Negeri bersama LKIM akan memberikan bantuan dan sokongan kepada pengeluar

makanan yang meliputi nelayan dan penternak akuakultur.

"Hal ini kerana para nelayan merupakan pihak yang berkepentingan utama dalam ekosistem makanan negara.

"Kita juga tidak boleh memandang ringan usaha para nelayan yang sentiasa memastikan bekalan sumber protein rakyat dapat dipenuhi," ujar beliau.

Jelebu bakal menjadi 'syurga baung asli'

JELEBU: Daerah Jelebu bakal berpotensi menjadi sebuah 'syurga baung asli' kepada para kaki memancing terutama pemburu ikan baung.

Exco (Kanan) Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup, YB Dato' Seri Jalaluddin Alias berkata, Jabatan Perikanan Negeri Sembilan telah melepaskan sebanyak 20,000 benih ikan baung tempatan ke Sungai Triang di Kampung Sungai Buloh.

"Saya mengharapkan Jelebu dapat



menjadi sebuah 'syurga Baung asli' kepada para kaki pancing terutama pemburu ikan Baung.

"Untuk mereal-

isasikan agenda tersebut, terlebih dahulu kita telah melancarkan Ekspedisi Memburu Baung Ekor Merah (BURU 3.0) selama dua hari.

"Baung ekor merah adalah spesies peresak yang memakan habitat asal di perairan kita.

"Jadi, Jabatan Perikanan menggerakkan usaha untuk menangkap spesies-spesies pemangsa ini sebelum kita mencambahkan spesies tempatan untuk tujuan pembiakan dan sebagainya.

"Tahniah dan syabas kepada para peserta yang berjaya menangkap ikan-ikan pemangsa ini," kata ADUN Pertang itu.

Undang Johol rasmi 'Olek Godang Pasir Besar'



GEMAS: Undang Luak Johol, Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan, Dato' Muhammed Abdullah, telah merasmikan program Olek Godang Pasir Besar di Taman Rekreasi Menuang Bertebuk Kampung Pasir Besar.

Ahli Parlimen Tampin, YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa berkata, Undang Luak Johol juga dibawa menaiki bot ke tapak menjejak semula tradisi lama menyusuri Sungai Pasir Besar.

"Saya juga mengucapkan terima kasih atas kerjasama JPKK Kampung Pasir Besar, JPKK Kampung Kurnia Diraja, JPKK Kampung Felda Pasir Besar, Pejabat Daerah Pasir Besar, Pejabat Daerah Kecil dan Tanah Gemas serta urusetia Pusat Khidmat Rakyat DUN Gemas/Parlimen Tampin dan NGO yang turut serta menjayakan majlis ini.

"Pelbagai acara diadakan seperti bowling kelapa, lastik tin memancing, tarik tali menganyam ketupat dan gasing tradisi," ujar Mohd Isam.

Selamat hari ibu...



SEREMBAN: Exco Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Sembilan, YB Noorzunita Begum Mohd Ibrahim telah merasmikan sambutan Hari Ibu Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2024 anjuran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Sembilan dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.

"Sambutan ini menjadi pengingat kepada kita semua bahawa setiap hari adalah hari kita menghargai kehadiran dan pengorbanan Ibu di dalam hidup kita.

"Terima kasih ibu, itulah uca-

pan yang begitu bermakna sebagai seorang ibu yang tanpa lelah memberikan kasih dan sayang dalam membesarkan anak-anak," kata Noorzunita Begum.

Noorzunita merakamkan penghargaan kepada Pengarah LPPKN Negeri Sembilan, Azlan Shah Nasaruddin; Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Puan Jamilah @ Chumila Katis; Ketua Jabatan Sumber Manusia & Pentadbiran, Chinese Maternity Hospital (CMH), Aminudin Amaranin, dan Ketua Unit Pemasaran Sebedam Malaysia, Santhana Barathi di atas usaha menjayakan sambutan ini.

Misi gila lagi mustahil PMX!

DR. JUFITRI JOHA

Perunding Unit Pembangunan Insan (UPI)
Yayasan Negeri Sembilan (YNS)

ISU Palestin menjadi duri dalam daging kepada keamanan dunia. Jika isu konflik Palestin-Israel dapat diselesaikan maka dua pertiga dunia akan menikmati keamanan sejagat.

Malangnya isu Palestin sudah berlarutan sejak 1948 dan setiap 15 Mei rakyat Palestin akan mengingati Hari Nakbah atau hari malapetaka di mana tanah air dan kedaulatan wilayah Palestin telah dirampas secara paksa dan kejam oleh Zionis.

Sedangkan 15 Mei merupakan hari penting untuk belia Malaysia iaitu Hari Belia Negara namun 15 Mei hari kesedihan yang terpaksa diingati oleh rakyat Palestin saban tahun tanpa kunjung padam.

Tragedi 7 Oktober 2023 di mana serangan Zionis berlarutan sehingga kini (Mei 2024) dianggap Hari Nakbah kedua bahkan lebih teruk apabila lebih 35,000 rakyat Palestin dan petugas kemanusiaan telah terkorban.

Rakyat Gaza menjadi pelarian di bumi sendiri tanpa arah tujuan kerana rumah-rumah mereka telah musnah bahkan mereka terpaksa berhadapan dengan keburluran yang sangat dahsyat.

Malaysia negara 'middle power' yang sangat lantang membela nasib rakyat Palestin bahkan di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri kesepuluh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim; Malaysia semakin terlerah keberanian dan ketegasannya terutamanya berhadapan dengan dunia Barat



yang hipokrit, sebelah tangan menjuarai isu hak asasi kemanusiaan sejagat tetapi sebelah tangan lagi bersalut darah bungkam membisu seribu bahasa terhadap kekejaman berterusan Zionis membantai rakyat Palestin saban hari.

Konsistensi PMX bukan sehari dua ini sahaja, tetapi semenjak zaman beliau memimpin Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) pada tahun 70an sehingga digelar anak Palestin oleh Almarhum Yassir Arafat pada tahun 1983.

Keberanian dan ketegasan pendirian Malaysia yang disuarakan oleh YAB PMX di hadapan Canselor Jerman Olaf Scholz berkenaan Palestin, menemplak hipokresi barat bahkan membuka mata dunia barat khususnya Jerman menilai semula sokongan mereka terhadap Israel.

Kritikan pedas lagi tegas ini menjadi PMX bukan sahaja jurucakap dunia Islam tetapi jurucakap majoriti masyarakat dunia yang cintakan keamanan dan bencikan penindasan.

Pendirian ini melonjakkan nama Malaysia semula menjadi aktor penting dunia di mana suara Malaysia dilihat kelam dan semban sebelum ini bahkan terpalit dengan imej skandal rasuah.

Akibat kelantangan Malaysia ini menyebabkan Malaysia tidak terlepas dengan ancaman anasir luar yang mahu Malaysia menutup mulutnya.

Hasilnya, seorang warga Israel ditangkap pada Mac 2024 yang lepas bersama enam pucuk pistol. Susulan peristiwa ini, pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah mempertingkatkan keselamatan ke atas PMX, Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan beberapa lagi kenamaan penting lain.

PMX juga tidak menghiraukan label penganas yang dipaksakan barat ke atas pimpinan HAMAS dengan mempertahankan HAMAS dalam pelbagai platform sebagai salah satu entiti Palestin demokratik yang mempertahankan kedaulatan tanah air mereka sendiri daripada penjajahan Zionis.

PMX juga secara terang-terangan bertemu dengan pimpinan utama Hamas Ismail Haniyeh di Qatar pada Mei 2024 bagi membincangkan solusi tuntas.

PMX juga merupakan aktor utama di sebalik kejayaan membawa keluar keluarga aktivis tegar Palestin Malaysia saudara Muhammad Nadir Nuri daripada zon perang Gaza sehingga membolehkan kasih sayang sebuah keluarga yang terpisah ribuan kilometer dan berbulan-bulan lamanya dapat disatukan semula sehari sebelum fajar Syawal 1445 Hijrah menjelang.

Saudara Muhammad Nadir mengakui secara jelas bahawa PMX merupakan aktor utama di sebalik misi gila lagi mustahil ini sambil memberikan mesej sokongan kepada kepimpinan PMX khususnya dalam menjadi jaguh dunia Islam membela nasib Palestin.

Mesej susulan beliau juga jelas bahawa sebarang perbezaan mesti diketepikan buat sementara waktu demi perpaduan dan fokus yang lebih utama yang perlu diberikan oleh Malaysia untuk perjuangan keamanan sejagat ini.

Momentum nada Muhammad Nadir ini kemudiannya disambut oleh Ahli Jawatankuasa PAS Pusat Dr.Mohd Zuhdi Marzuki yang menyarankan krisis Palestin harus membuka jalan kepada gencatan politik tanah air khususnya kepada ahli politik Islam.

Ini adalah masa terbaik mengeneipkan politik sempit dan perbalahan yang merugikan demi menumpukan kepada masalah yang lebih besar sementelah Malaysia berada di landasan yang terbaik di bawah kepimpinan PMX untuk memacu ekonomi negara dan menjadi jurubicara berkesan kepada keamanan sejagat.

Paling penting dengan kestabilan politik ini, pemimpin negara dapat menumpukan sepenuh tenaga dan fokus membangunkan ekonomi dan teknologi negara bagi mempersiapkan negara menjadi 'middle power' yang sangat berpengaruh di pentas global.

Pengaruh ini sangat penting untuk Malaysia menjadi negara yang disegani bagi mengimbangi kuasa-kuasa besar yang dilihat hipokrit dan tidak membawa kepada keadilan dan keamanan sejagat.

Pemimpin negara khususnya PMX tidak wajar dipenatkan dengan isu-isu politik picisan apatah lagi dituduh secara melampau batas sebagai pro Zionis sebaliknya tumpuan sepenuhnya wajar dihalakan kepada mengembalikan Malaysia sebagai Harimau Asia yang disegani oleh kawan dan lawan.

Inilah sebenarnya misi gila lagi mustahil bagi PMX dan Malaysia.

FIKIR LUAR KOTAK

Kereta baru atau kereta lama

Oleh Edzwan Ashraf

KERETA hari ini merupakan suatu keperluan bagi sesetengah orang dan menjadi kehendak kepada satu orang yang lain. Tapi, dalam memilih kereta sudah pasti kita semua akan berada dalam keadaan yang dilema sama ada mahu membeli sebuah kereta baru atau hanya membeli kereta terpakai sahaja?.

Jadi artikel kali ini kita akan membahaskan kebaikan sekiranya kita membeli kereta terpakai atau kereta baru.

Kita lihat dahulu kelebihan sekiranya kita membeli sebuah kereta baru.

Pertama sekali sudah tentu kita mempunyai jaminan kilang pembuatan kereta itu sendiri yang memastikan sekiranya terdapat sebarang masalah teknikal dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Selain itu, pihak pengeluar juga akan menanggung kos pembaikan atau penggantian komponen yang diperlukan.

Selain itu, kereta baru ini juga sudah tentu tidak pernah digunakan oleh sesiapa. Oleh hal yang demikian anda sebagai pembeli boleh yakin bahawa tiada orang lain yang pernah menggunakan yang menjadikan kenderaan anda itu berada dalam keadaan yang optimum.Kelebihan membeli sebuah kereta baru juga memastikan anda dapat menikmati teknologi terbaru yang disediakan kepada anda sebagai pengguna. Hal ini kerana kereta baru hari ini dilengkapi dengan pelbagai ciri baik daripada segi keselamatan, keselesaan dan hiburan.

Dalam masa sama, kita juga sering lihat bahawa peniaga kereta menawarkan diskaun atau pembiayaan khusus untuk kereta baru. Ini secara tidak langsung membantu mengurangkan kos pembelian keseluruhan dan menjadikan kereta baru lebih berpatutan.

Tetapi tidak semua antara kita mampu membeli sebuah

kereta baru. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya adalah kerana kekangan kewangan individu tersebut ataupun penggunaan kereta yang dibeli hanyalah digunakan pada masa-masa yang diperlukan. Walau bagaimanapun kita mesti tertanya-tanya apakah kelebihan membeli sebuah kereta terpakai. Oleh itu, mari bersama kita lihat kelebihan sekiranya kita membeli sebuah kereta terpakai.

Kelebihan pertama adalah harga kereta terpakai adalah jauh lebih murah berbanding sebuah kereta baru. Ini sudah pasti mampu menjadi pilihan bagi mereka yang mempunyai kekangan daripada segi kewangan untuk memiliki sebuah kereta.

Dalam pada itu, faktor kurangnya susut nilai kenderaan itu juga menjadi faktor yang kuat dalam membeli sebuah kereta. Kita dapat lihat pada tahun ini berapa kali keluaran sebuah model daripada jenama tempatan yang

mengalami penurunan harga terlalu mendadak sehingga membuatkan para pembeli ragu-ragu untuk membelinya. Lain pula ceritanya dengan kereta terpakai, sebuah kereta terpakai sebagai contoh dibeli dengan harga sebanyak RM5,000, setelah dua atau tiga tahun kereta tersebut harga mengalami susut nilai berkemungkinan RM200-RM300 sahaja.

Kelebihan seterusnya adalah kereta terpakai mempunyai pilihan yang lebih banyak di pasaran. Ia boleh datang daripada pelbagai jenis jenama dan model mahupun tahun pengeluaran. Sudah pasti pembeli dapat mencari kereta yang dapat memenuhi kehendak khusus mereka dengan lebih mudah.

Kebanyakan penjual kereta terpakai hari ini mempunyai akses sejarah penyelenggaraan dan penggunaan kereta yang ingin dibeli. Secara tidak langsung ia dapat memberikan anda sebagai pembeli gambaran yang lebih baik

tentang bagaimana kereta tersebut digunakan. Walaupun begitu, anda masih perlu berhati-hati kerana tidak semua penjual ada sifat jujur dalam menjual kereta terpakai.

Berdasarkan perbandingan kelebihan diatas anda boleh melihat manakah yang lebih baik. Namun demikian, semuanya akan berbalik kepada keutamaan, keperluan dan kemampuan kewangan masing-masing. Jika membeli kereta baru anda dapat menikmati teknologi terkini, jaminan, dan reka bentuk yang lawa. Sementara itu, kereta terpakai pula memberikan anda harga yang jauh lebih murah, pilihan yang lebih banyak, dan penurunan harga yang tidak mendadak. Oleh itu, sebelum membuat keputusan adalah penting untuk anda mempertimbangkan keperluan dan keutamaan anda dengan teliti serta melakukan penyelidikan yang mencukupi.



594 warga emas Palong terima bantuan RM118,800 dari Mustapha

SERAMAI 594 orang warga emas yang berusia 70 tahun ke atas dari DUN Palong telah menerima Sumbangan Keceriaan Aspirasi Perpaduan Negeri Sembilan sebanyak RM200 daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Palong, YB Mustapha Nagoor.

"Saya berharap sumbangan ini dapat memberi manfaat yang besar kepada mereka yang memerlukan," kata Mustapha.



Shamsulkahar bertemu penduduk Kampung Peti

AHLI Parlimen Jempol, YB Dato' Shamsulkahar Mohd Deli telah meluangkan masa dan mengadakan perjumpaan dengan wakil penduduk Kampung Orang Asli Batu Peti berkaitan isu jambatan yang menghubungkan Kampung Batu Peti ke Kampung Orang Asli Panchor.

Shamsulkahar berharap penduduk kampung faham dengan penjelasan beliau dan maklumat tersebut diwar-warkan kepada penduduk kampung yang lain.



Asna mohon pertambahan sekolah baru

ADUN Lenggeng, YB Dato' Mohd Asna Amin menerima kunjungan Ketua Penolong Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (Bahagian Pembangunan) bagi membincangkan berkenaan pembangunan sekolah baharu di DUN Lenggeng yang telah mula padat dengan pelajar kesan daripada banyak taman perumahan baharu dibuka.



Gunasekaren bantu pelajar kurang berkemampuan

AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seremban Jaya, YB P.Gunasekaren telah menghulurkan sumbangan kewangan kepada pelajar kurang berkemampuan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Kampung Baru Rahang.

"Pelajar dari keluarga kurang kemampuan juga perlu mendapat pendidikan sempurna. Status kemiskinan tidak seharusnya menyebabkan pelajar ini tercicir daripada kecemerlangan pendidikan," ujar Gunasekaren.



Faez pantau kerja-kerja pembaikan jambatan runtuh

PENGURUS Pusat Khidmat Rakyat DUN Labu, Encik Ahmad Faez turun padang ke tapak pembinaan jambatan Gadong Jaya bagi memantau kerja-kerja yang sedang dijalankan.

"Alhamdulillah, kerja kerja pembaikan berjalan dengan lancar," ujar Ahmad Faez.



Tengku Zamrah ceriakan warga emas

ADUN Ampangan, YB Tengku Zamrah Tengku Sulaiman telah menyantuni 10 orang warga emas.

"Saya menyampaikan Sumbangan Keceriaan Warga Emas Negeri Sembilan kepada warga emas yang tidak dapat datang ke Pusat Khidmat Rakyat DUN Ampangan untuk menerima sumbangan tersebut.

"Sumbangan ini daripada Kerajaan Negeri Sembilan dan ia adalah salah satu janji dalam Aspirasi Perpaduan Kerajaan Negeri Sembilan pada Pilihan Raya Negeri yang lalu," jelas Tengku Zamrah.



Mohd Isam beri kejutan kepada guru SK Datuk Abdullah

SEMPENA sambutan Hari Guru, Ahli Parlimen Tampin, YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa telah membuat kejutan dan hadir meraikan Hari Guru di Sekolah Kebangsaan Datuk Abdullah.

"Ini sekolah tempat saya menimba ilmu dahulu. Terima kasih kepada guru-guru yang telah menjadikan saya hari ini. Tradisi saya menghantar kek ini telah saya mulai sejak saya bergelar ADUN Gemenchek pada tahun 2013 lagi.

"Kini saya teruskan tradisi ini dengan menghantar kek ke seluruh 59 buah sekolah dalam Daerah Tampin pula," jelas Mohd Isam.



Noorzunita rasmi Majlis Penutup Kejohanan Bola Baling MSSD Kuala Pilah

ADUN Pilah, YB Noorzunita Begum Mohd Ibrahim telah merasmikan Majlis Penutup Kejohanan Bola Baling Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah Kuala Pilah 2024.

"Ucapan setinggi tahniah kepada pelajar yang mengambil bahagian dalam kejohanan ini, uaha gigih dan semangat kesukanan yang ditunjukkan oleh para pelajar amat membanggakan.

"Tidak lupa juga, ucapan terima kasih kepada para jurulatih, guru-guru, dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kejohanan ini.

"Semoga kejayaan yang dicapai menjadi inspirasi untuk terus berusaha dan berjaya dalam bidang sukan dan akademik," kata Noorzunita Begum.



Suhaimizan meraikan Tay Zhi Ying

ADUN Gemenchek, YB Suhaimizan Bizar mengucapkan tahniah kepada pelajar Universiti Teknologi Malaysia, Cik Tay Zhi Ying yang mendapat Anugerah Siswazah Cemerlang Kelas Pertama Negeri Sembilan dari Yayasan Negeri Sembilan.



Bakri serius bantu orang kampung

ADUN Klawang, YB Dato' Ir. Bakri Sawir bukan sahaja menerima aduan di Pusat Khidmat Rakyat DUN Klawang, malah beliau turut meluangkan masa melawat beberapa kawasan di DUN Klawang seperti Ulu Jelebu dan Kuala Pah, selepas mendapat aduan daripada penduduk setempat.

Bakri juga menyarankan penduduk membuat sebarang aduan kepada JPKK terlebih dahulu.



Desmond arah baiki tebing runtuh

ADUN Rahang, YB Desmond Siaw Meow Kong telah melawat lokasi tebing sungai runtuh di Kampung Pasir bersama Timbalan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Seremban, Aizuddin Anuar.

"Kontraktor telah dilantik dan kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan dengan kadar segera.

"Saya harap penduduk boleh menggunakan jalan alternatif lain buat sementara waktu," ujar Desmond Siaw.



Arul selesai masalah jambatan baru kawasan mantin

DUA buah jambatan baharu telah dibina di Kampung Mantin Tengah dan Kampung Che Lah Mantin.

ADUN Nilai, J. Arul Kumar berkata, kedua-dua jambatan ini telah runtuh sebelum ini.

"Justeru itu, Jabatan Pengairan dan Saliran Seremban telah membina dua buah jambatan yang baharu.

"Kedua-dua jambatan ini sangat memberi manfaat kepada penduduk untuk pergi ke kebun dan pulang ke rumah di kawasan tersebut," ujunya.

Sufian lawat sungai berlaku banjir

ADUAN penduduk Kampung Talang Tengah berikutan rumah yang sering dinaiki air apabila berlaku hujan lebat, telah mendapat perhatian ADUN Seri Menanti, YB Muhammad Sufian Maradzi.

Muhammad Sufian berkata, permohonan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran untuk membersihkan parit dan laluan air telah diluluskan. Semoga ianya meredakan kerisauan penduduk nanti.



Aduan pencemaran bunyi dapat perhatian Rajasekaran

ADUAN pencemaran bunyi oleh penduduk Taman NLFCS mendapat perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri Sri Tanjung, YB Dr. Rajasekaran.

Rajasekaran berkata, beliau telah mengadakan perbincangan dengan wakil Taman NLFCS, Encik Marimuthu; Plant Manager PD Power Plant (Malakoff), Encik Lokman dan Pengerusi JPKK Kampung Paya, Puan Vagidah.

"Aduan bunyi bising ini akibat robohan bangunan Malakoff Power Plant. Hasil perbincangan ini, persetujuan telah dicapai bahawa kerja-kerja 'hacking' (kerja-kerja memecahkan dinding bangunan) akan selesai pada Sabtu ini.

"Di samping itu pegawai penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar akan memantau dan memastikan pihak Malakoff mematuhi Standard of Procedure (SOP) yang ditetapkan bagi mengelakkan pencemaran bunyi dan getaran berlebihan.



Cha sumbang RM200,000 bagi enam sekolah

ENAM buah sekolah di Parlimen Rasah akan menerima peruntukan berjumlah lebih RM200,000 bagi tujuan pembangunan sekolah.

Ahli Parlimen Rasah, YB Cha Kee Chin berkata, beliau telah mengadakan perbincangan dengan Pengetua, Guru Besar, Yang DiPertua PIBG, Guru Penolong Kanan dan Guru Panitia dari enam buah sekolah tersebut.

"Perbincangan menjurus kepada pembangunan sekolah, khususnya pembekalan kelengkapan kepada sekolah melalui peruntukan saya selaku Ahli Parlimen Rasah.

"Pengetua atau guru besar sebagai ketua pentadbir sekolah adalah individu yang paling mengetahui keperluan sekolah.

"Peruntukan Ahli Parlimen Rasah yang bernilai lebih RM200,000 telah dibincangkan dan dimuktamadkan kepada enam buah sekolah.

"Saya mengalu-alukan perbincangan yang produktif seperti ini, dan ia akan disuli dengan urusan dokumentasi dan permohonan kepada ICU JPM," ujar Cha.

Cha berkata, perbincangan sebegini membolehkan beliau mengetahui keperluan di setiap sekolah berkenaan dan beliau akan menyalurkan peruntukan berdasarkan garis panduan yang perlu dipatuhi.

Enam buah sekolah yang akan menerima peruntukan tersebut ialah:

- Kolej Tingkatan 6 Forest Heights
- Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kampung Baru Mambau
- Sekolah Kebangsaan Seremban Jaya 2
- Sekolah Kebangsaan Seremban 2A
- Sekolah Menengah Kebangsaan Seremban 3
- Sekolah Kebangsaan Jijan



Zaidy rasmi program Jiwa Madani

ADUN Jeram Padang, YB Dato' Mohd Zaidy Abdul Kadir telah merasmikan program Jiwa Madani Bengkel Pengurusan, Acara dan Protokol anjuran Jabatan Penerangan Daerah Jempol dengan Kerjasama Pejabat Daerah Jempol dan KEMAS Daerah Jempol di Balai Raya Pekan Rompin.

Seramai 60 orang peserta telah mengikuti bengkel ini yang terdiri daripada Pengerusi dan Setiausaha Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA), Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) dan Komuniti Madani di seluruh kawasan DUN Jeram Padang.



Veerapan sampaikan sumbangan kepada 197 warga emas DUN Repah

ADUN Repah, YB Veerapan Supramaniam menyerahkan sumbangan keceriaan tahunan RM200 kepada 197 warga emas dari DUN Repah.

"Bagi fasa pertama, seramai 197 orang warga emas yang terpilih menerima sumbangan ini dari pelbagai lapisan kaum masyarakat.

"Bagi Fasa Kedua dijangka seramai 500 orang warga emas yang layak bakal menerima bantuan ini dalam masa terdekat.

"Saya berharap bantuan ini sedikit sebanyak memberi penghargaan dan keceriaan kepada golongan warga emas," ujar Veerapan.



Mohd Razi mahu anak felda cemerlang

ADUN Sungai Lui, YB Mohd Razi Mohd Ali mahu pelajar SMK Felda Pasoh 2 lebih berjaya di dalam bidang akademik dan kokurikulum.


"Saya dapat lihat semangat kesukanan dan rasa ingin menang yang tinggi dalam diri anak-anak semua. Tahniah kepada semua," kata beliau di Majlis Perasmian Penutup Kejohanan Olahraga Sekolah Kali ke-42 di Padang SMK Felda Pasoh 2.




Suhaimi raikan belia Rembau

SEMPENA sambutan Hari Belia, ADUN Kota, YB Suhaimi Aini telah merasmikan Semarak Hari Belia Negara Peringkat Daerah Rembau di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Undang Haji Adnan Rembau.

Pelbagai acara seperti Skyrunner dan pameran Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda serta e-Sport telah diadakan.



PENJAJAHAN PALESTIN SEJAK 1948



Bersambung dari muka 2 >>

1973 - Perang tercetus lagi antara negara-negara Arab dan Israel selama lebih dua minggu mulai 6 Oktober di Bukit Golan, Sinai dan Suez.

1978 - Perjanjian Kem David pada 1 September antara Mesir dengan Israel.

1979 - Israel keluar dari Sinai selepas termeterai perjanjian damai dua negara ini.

Sekali gus, Mesir menjadi negara Arab pertama mengiktiraf negara Israel. Hubungan diplomasi dan dagang berjalan.

1987 - Intifadah, atau kebangkitan, pertama dilancarkan pada 1 Disember bagi menentang kependudukan Israel di Gaza dan Tebing Barat. Imej pemuda Palestin membalang batu ke arah kereta kebal menjadi simbol utama penentangan ini yang korban kira-kira 1,300 pejuang dan 200 Israel.

Sebagai cabang gerakan Ikhwanul Muslimin, Hamas ditubuhkan oleh Syeikh Ahmad Yassin untuk membebaskan Palestin daripada penaklukan Israel.

1993 - Perjanjian sulit di Oslo, Nor-

way antara Israel dengan PLO pada 13 September bagi membenarkan penubuhan Pihak Berkuasa Palestin di Gaza dan Tebing Barat. Intifadah pertama berakhir.

1995 - Susulan perjanjian ini, pada 28 September, Tebing Barat dibahagi kepada tiga kawasan: 60 peratus dikuasai Israel (zon C), 22 peratus ditadbir bersama (B) dan 18 peratus dikawal Palestin (A).

2000 - Intifadah kedua digerakkan pada 28 September sebagai membantah lawatan bekas Jeneral Ariel Sharon ke Haram al-Sharif. Warga Palestin curiga lawatan ini sebahagian taktik menguasai tempat suci umat Islam tersebut.

2002 - Israel mendirikan tembok pemisah tinggi di Tebing Barat pada 23 Jun bagi menjamin keselamatannya. Tembok ini memisahkan kawasan tradisi termasuk Jerusalem dan banyak keluarga Palestin. Projek membina pagar elektrik dan tembok konkrit di sempadan Gaza bermula sejak 1995.

2004 - Apabila tokoh utama PLO Yasser Arafat meninggal dunia pada 11 November, Intifadah berakhir. Setahun kemudian, 9,000 pendatang Israel dan

tenteranya berundur dari Gaza.

2006 - Hamas menang pilihan raya pada 25 Januari bagi melantik anggota majlis perundangan Pihak Berkuasa Palestin.

Gerakan ini menang 74 daripada 132 kerusi, manakala Fatah meraih 45 kerusi. Namun, kemenangan ini bertukar konflik baharu apabila tentera Israel menyusup ke Gaza dan melancarkan serangan tengah malam 28 Jun.

Esoknya, negara itu menahan lapan menteri Hamas dan 26 anggota majlis perundangan di Tebing Barat. Sehingga Ogos, Israel menahan 49 pegawai kanan Hamas, semuanya dari Tebing Barat, termasuk 33 anggota parlimen dengan alasan gerakan itu "pengganas".

2007 - Walau Hamas menang besar, Fatah berperang dengan gerakan ini yang menyebabkan banyak nyawa terkorban. Hamas berjaya menolak keluar pencabarnya dalam perang saudara.

Susulan itu, Israel menguatkan sekatan udara, laut dan darat terhadap Gaza. Sekatan negara ini bersama Mesir bermula sejak 2005, tidak lama selepas berundur.

Dengan penduduk 2.3 juta di atas tanah 365 km persegi, Gaza dianggap "penjara terbuka" di kawasan antara paling padat di dunia! Israel melancarkan empat serangan besar terhadap wilayah ini: 2008, 2012, 2014 dan 2021. Ribuan penduduk Gaza terbunuh dan ribuan bangunan runtuh.

2014 - Serangan mengorbankan 2,100 termasuk hampir 500 kanak-kanak. Seramai 11,000 cedera dan 20,000 rumah ranap.

2023 - Hamas lancar serangan mengejut melalui darat dan udara pada 7 Oktober. Israel melancarkan serangan balas bertubi-tubi termasuk penaklukan darat di utara Gaza.

Mei 2024 - Israel masih menyerang Rafah atas alasan menentang HAMAS.

Sedangkan 34,971 rakyat Palestin terbunuh, 78,641 orang lagi turut cedera menyebabkan 85 peratus penduduk Gaza berpindah di tengah-tengah sekatan yang melumpuhkan bekalan makanan, air bersih dan ubat-ubatan, manakala sebahagian besar infrastruktur wilayah itu rosak atau musnah.



USAHA MALAYSIA DAN DUNIA MEMBANTU PALESTIN



Afrika Selatan memulakan prosiding di ICJ bulan Disember 2023, memohon 'mahkamah dunia' itu menyiasat jenayah pembunuhan beramai-ramai didakwa dilakukan rejim Zionis di Gaza, termasuk memutuskan segera bahawa Israel melanggar Konvensyen Genosid 1948.



Tunjuk-tunjuk perasaan pro-Palestin anti-Israel oleh mahasiswa universiti Amerika Syarikat terus merebak dan kini berlaku di sekitar 50 universiti negara itu. Malah universiti-universiti negara lain seperti Perancis, Itali, Kanada, Britain, Australia dan Iran juga mengadakan bantahan serupa bagi menyokong apa yang dilakukan para mahasiswa Amerika.



PMX telah menggerakkan usaha untuk mendapatkan "Signal Solidariti" dari pemimpin dunia untuk memberi tekanan kepada Israel dan Amerika untuk memberhentikan serangan ke atas Palestin. Pelbagai reaksi dari negara-negara dapat dilihat selepas pertemuan dengan PMX.



Kerajaan Negeri Sembilan telah berjaya mengumpulkan lebih RM1.0 juta untuk Misi Bantuan Palestin melalui Global Peace Malaysia bermula Oktober 2023. Kutipan telah dilakukan selama lebih sebulan ke seluruh masjid dan surau. Syarikat-syarikat kerajaan negeri juga telah menyumbang untuk tabung tersebut.

Pelbagai program telah dijalankan termasuk Himpunan Solidariti Keamanan Sejagat anjuran Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan dengan kerjasama Sekolah Tinggi Chung Hua, Seremban dan Kayuhan Amal Solidariti Palestin yang bertempat di perkarangan Surau Al-Ansar Taman Coral Height, Sikamat.

Siswazah zahir penghargaan kepada Kerajaan Negeri

SEREMBAN: Siswazah yang menerima Anugerah Pelajar Cemerlang menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri dan Yayasan Negeri Sembilan di atas anugerah yang diberikan kepada mereka.



Mohd Rashdan Akhtar yang merupakan graduan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Dungun berkata, anugerah yang diberikan membuatkan para pelajar

rasa dihargai oleh Kerajaan Negeri sendiri.

"Oleh itu, saya berharap saya dapat memberi semua (ilmu dan tenaga) kepada Kerajaan Negeri sebagai cara untuk membalas budi mereka.

"Saya juga merasakan bahawa inisiatif ini sewajarnya diteruskan pada masa akan datang kerana ia dapat memberi motivasi kepada para pelajar untuk belajar dengan lebih tekad dan semangat.

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri, Yayasan Negeri

Sembilan dan juga kepada TokMin kerana memberi penghargaan ini kepada saya," kata Mohd Rashdan.

Dalam pada itu, hasil temu ramah beberapa orang pelajar lagi rata-rata mereka turut memberikan reaksi yang sama.



"Saya gembira dengan anugerah yang diberikan ini, dan saya rasa ia perlu diteruskan pada tahun mendatang. Terima kasih

TokMin!," kata Nurin Nadhira Mohd Ismail, graduan UiTM Puncak Alam.



"Saya amat berterima kasih kepada Menteri Besar dan Kerajaan Negeri, kerana anugerah ini buatkan saya rasa dihargai," ujar Rebecca Gan, graduan Universiti Malaysia Terengganu.

"Saya amat berbangga terima anugerah ini, kerana

jarang menerima anugerah seperti ini.



"Kepada Menteri Besar, Kerajaan Negeri, dan Yayasan Negeri Sembilan saya mengucapkan ribuan terima kasih atas penghargaan ini," kata Abu Hurairah, graduan Universiti Sains Malaysia.

Fadhlina komited tangani isu sekolah padat

PUTRAJAYA: Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek berkata, kementerianya komited tangani isu sekolah padat di seluruh negara.

"Pelbagai inisiatif dilaksanakan Kementerian Pendidikan bagi menangani isu sekolah padat di seluruh negara.

"Ini termasuk dengan mewujudkan kelas terapung, pembinaan bangunan dan bilik darjah tambahan serta sekolah baharu.

"Menerusi Belanjawan 2024, kerajaan meluluskan pembinaan 26 buah sekolah baharu di seluruh negara.

"Ia dapat mengatasi isu sekolah padat dan pada masa sama meningkatkan lagi akses pendidikan," ujar Fadhlina.



Jalaluddin kongsi pengalaman bersama mahasiswa dan pelajar

Ada satu soalan yang ditanya, apakah faktor yang mendorong saya untuk jadi ahli politik?

Saya kongsi satu keadaan apabila saya tidak dapat membantu anak orang kampung saya sendiri untuk menyambung pelajaran kerana saya tiada kuasa semasa itu.

Jadi saya tanam azam untuk berkuasa melalui peranan politik bagi saya dapat membantu anak-anak ini dan dari situlah saya bermula.

Antara intipati yang saya kongsi adalah mengenai peranan siswa-siswi dalam menguasai disiplin ilmu yang dipelajari di kampus.

Namun saya menekankan soal cabaran sebenar di dunia luar kampus. Justeru itu, usaha untuk

membawa masuk pakar-pakar dan tokoh-tokoh pelbagai bidang bagi memberi pendedahan pengalaman sebenar dunia luar ke dalam kampus adalah usaha yang tepat pada masa sekarang.

Apa yang penting bagi kita adalah menjadikan anak-anak muda sebagai ikon kepada generasi mendatang.

Oleh itu anak-anak muda di kampus harus disajikan dengan usaha atau penerapan elemen membentuk kematangan pemikiran kepada mereka, agar mereka mampu menjadi kalis cabaran.

Di samping itu, saya gunakan juga kesempatan semalam untuk membuka soalan

kepada siswa-siswi UiTM yang hadir.

Soalan yang diajukan agak matang dan ada kredibiliti tersendiri.

Namun rata-rata bertanyakan tentang cabaran politik tanah air untuk anak-anak muda di Malaysia.

Terima kasih kepimpinan UiTM kerana sudi menjemput saya. Terima kasih anak-anak siswa siswi UiTM Negeri Sembilan atas partisipasi kalian. UiTM dihatiku.

Itulah antara perkongsian Exco Kanan Kerajaan Negeri Sembilan, YB Datuk Seri Jalaluddin Alias dalam program Bicara Tokoh 13.0 serta Perasmian Koridor Keusahawanan Mahasiswa UiTM Cawangan Negeri Sembilan di Seremban 3.



Program Pembangunan Pendidikan Modal Insan Wilayah Serumpun

SEREMBAN: Dalam usaha mengeratkan lagi hubungan antara wilayah serumpun Negeri Sembilan dan Provinsi Riau; Yayasan Negeri Sembilan dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan (PERMANIS) telah mengadakan Program Mobiliti ke Riau dari 27 Februari hingga 1 Mac 2024 di Rokan Hulu, Riau, Indonesia.

Tujuan program ini adalah untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan melestarikan warisan budaya Melayu dan memperkenalkan nilai-nilai kesatuan serta kasih sayang antara kedua-dua wilayah.

Dalam aktiviti ini, 21 mahasiswa dari institusi pengajian tinggi di Malaysia

yang tergabung dalam Persatuan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan (PERMANIS) turut serta dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan.



Salah satu fokus utama program ini adalah mengadakan lawatan pendidikan ke Kompleks Makam Pahlawan Nasional

Indonesia Tambusai di Rokan Hulu. Tujuannya adalah untuk meningkatkan pemahaman tentang sejarah dan budaya tempatan yang turut terkait dalam sejarah pembukaan pekan Rasah di Negeri Sembilan.

Di samping itu, forum tentang penyatuan budaya dan aktiviti silang pendidikan dengan keluarga di Rokan Hulu turut menjadi sebahagian penting dari program ini.

Peserta diharapkan dapat membawa pulang pengalaman berharga dalam memperkaya pengetahuan mereka tentang budaya Melayu serta mengeratkan hubungan antara Negeri Sembilan dan Provinsi Riau.



Program Kerjasama Program Pembangunan Pendidikan Modal Insan Wilayah Serumpun di Rokan Hulu Riau menjadi satu langkah penting dalam membangun keterikatan budaya yang kukuh melalui aktiviti pendidikan yang bermakna.

Guru Jauhari Digital Aspirasi Negara Madani

Tahun ini, kita menyambut Hari Guru dengan tema 'Guru Jauhari Digital Aspirasi Negara Madani', yang menggambarkan peranan penting guru dalam era digital dan aspirasi kita untuk membina negara yang madani.

Sebagai jauhari yang mahir, guru-guru kita telah mengasah dan membentuk generasi muda dengan ilmu pengetahuan dan nilai-nilai murni.

Dalam dunia yang semakin digital, guru kita tidak hanya mengajar, tetapi juga memandu anak didik untuk menjadi warga digital yang bertanggungjawab dan beretika.

Dengan penuh rasa syukur dan gembira, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada semua yang hadir dalam sambutan Hari Guru dan program silang budaya yang pihak sekolah anjurkan hari ini.

Kehadiran anda semua adalah bukti

komitmen dan dedikasi terhadap pembangunan pendidikan dan kebudayaan yang berterusan.

Kita berkumpul bersama untuk memperingati dan merayakan kepelbagaian budaya yang menjadi warisan bangsa kita.

Acara silang budaya ini bukan sekadar pertemuan, tetapi juga simbol kekuatan dan keindahan perpaduan yang terjalin melalui keberagaman.

Kita berdiri di atas tanah yang subur dengan adat dan tradisi, di mana setiap suku dan etnik membawa warna tersendiri ke dalam palet kehidupan kita.

Acara ini adalah manifestasi dari semangat 'Malaysia Truly Asia', yang menghargai setiap benang yang ditunen bersama untuk membentuk kain tenunan nasional kita yang indah.



Di samping itu, program silang budaya yang dilaksanakan adalah langkah untuk memupuk semangat perpaduan dan kefahaman antara pelbagai kaum di Malaysia.

Melalui program ini, saya berharap dapat menanamkan nilai-nilai murni

seperti hormat-menghormati dan faham-memahami antara satu sama lain.

Ini adalah asas yang kukuh untuk kita membina sebuah negara yang harmoni dan maju.

Selamat Hari Guru! Terima kasih atas segala ilmu, bimbingan dan inspirasi.

Semoga usaha mulia para guru dalam mendidik dan membentuk generasi penerus bangsa mendapat pengiktirafan yang setimpal.

Kepada para guru, anda adalah bintang yang menerangi masa depan negara.

Semoga terus berjaya dan diberkati dalam setiap langkah.

YB DR. PRAJASEKAREN

Anhli Dewan Undangan Negeri Sri Tanjung

Petikan ucapan sempena Hari Guru dan Program Silang Budaya, Sekolah Tinggi Port Dickson.

Bakat seni perlu digilap dari peringkat pra sekolah

SEREMBAN: Bakat dan kemahiran murid dalam bidang seni perlu digilap dari peringkat pra sekolah," kata Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun.

"Saya sendiri nampak bakat seni anak-anak di peringkat pra sekolah lagi.

"Saya juga tengok di sekolah kebangsaan, bakat seni murid-murid ini cukup baik.

"Ini menunjukkan anak-anak kita mempunyai bakat yang cukup besar bukan sahaja dalam bidang sukan, akademik dan tahfiz tetapi juga dalam bidang seni.

"Bakat yang ada pada anak-anak

kita jika digilap dengan pendekatan yang sesuai, maka akan lahir generasi yang akan memanfaatkan bakat mereka dengan cara yang betul," kata Aminuddin.

Menurut Aminuddin lagi, negara-negara maju sangat menitik berat bidang seni dalam sistem pendidikan.

Aminuddin berkata demikian di Majlis Pendaftaran Murid Tingkatan 1 SMK Tuanku Ampuan Najihah 'Noghoori Arts School' di sini.

SMK Tuanku Ampuan Najihah juga mencipta sejarah apabila kali pertama menerima pengambilan pelajar lelaki (Tingkatan 1) pada tahun ini.

Kecemerlangan anak-anak bermula di rumah

SEREMBAN: Tanggungjawab melahirkan pelajar sekolah yang cemerlang tidak boleh diletakkan di atas bahu guru sahaja, sebaliknya para ibu bapa juga harus menggalas tanggungjawab tersebut.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Aminuddin Harun berkata, adalah tanggungjawab ibu bapa untuk memastikan anak-anak telah dididik dengan nilai-nilai murni dan mempunyai kekuatan dalaman bagi menghadapi segala gejala negatif di luar sekolah dan rumah.

"Ibu bapa juga perlu menggalas tanggungjawab menentukan keperibadian anak-anak dan tidak sewenang-wenangnya mengharap jasa daripada pihak sekolah sahaja.



"Oleh itu, PIBG sekolah perlu bersikap proaktif untuk menyumbang ke arah usaha tersebut selain daripada membantu dalam kebajikan pelajar, guru dan juga pembangunan sekolah.

"Semoga Mesyuarat Agung PIBG kali ini menjadi permulaan yang baik dalam usaha

kita memperbaiki dan memperkukuhkan lagi hubungan antara pihak sekolah dan ibu bapa," kata Aminuddin dalam ucapan perasmian Mesyuarat Agung PIBG Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Mohd Said (SMKA SHAMS) Kali Ke-42.

Kilang pembuatan aluminium bernilai RM200 juta dibuka di Nilai

NILAI: Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun telah merasmikan kilang PMB Aluminium Sdn Bhd (PMBA) di Kawasan Perindustrian Nilai.

membina kapasiti lokal dalam pengeluaran industri pembuatan aluminium yang menyokong pembangunan sektor teknologi hijau seperti kenderaan elektrik (EV) dan fotovoltan (PV) (satu teknologi

"Kilang ini akan mengkhhususkan dalam pembuatan bingkai solar aluminium ekstrusi, komponen penting dalam usaha global menuju kepada tenaga boleh baharu.

"Kilang ini juga bukan sekadar menonjolkan pembuatan moden, tetapi juga menunjukkan komitmen kami terhadap kualiti, kecekapan dan alam sekitar.

"Kerajaan Negeri sentiasa mengamalkan dasar yang terbuka dalam mengalukan kemasukkan para pelabur baharu terutamanya pemain industri yang berteknologi tinggi," ujar beliau.

Menurut Aminuddin lagi, kedudukan Negeri Sembilan yang amat strategik iaitu terletak di 'Central Region of Peninsular Malaysia' menjadikan ia sebagai salah sebuah destinasi pilihan para pelabur.

"Kerajaan Negeri juga sentiasa memastikan setiap urusan perniagaan dan aktiviti pelaburan di negeri ini berada pada tahap terbaik dengan menyediakan suasana persekitaran pelaburan yang kondusif dan mesra pelabur," katanya lagi.



Aminuddin berkata, PMBA merupakan 100 peratus milik penuh pelabur tempatan dengan jumlah pelaburannya sebanyak RM200 juta yang telah diluluskan oleh MIDA pada tahun 2023.

berkaitan penukaran tenaga daripada cahaya matahari kepada tenaga elektrik).

"Sedia maklum bahawa aluminium merupakan material yang ringan, kuat dan dapat dikitar semula dengan mudah," kata Aminuddin.

Aminuddin berkata, sebanyak 400 peluang pekerjaan bakal ditawarkan terutamanya dalam bidang kumpulan professional dan pekerja berkemahiran tinggi setelah kilang ini beroperasi sepenuhnya.

"Saya amat berbangga melihat kejayaan syarikat-syarikat tempatan yang melabur di Negeri Sembilan kerana ia menunjukkan keyakinan dalam kalangan pelabur semakin meningkat berbanding sebelum ini.

"Tahniah kepada PMBA yang pastinya bakal

Teo buka potensi pelaburan bersama 30 pelabur asing

SEREMBAN: Exco Perindustrian Negeri Sembilan, YB Teo Kok Seong telah mengadakan pertemuan dengan 30 pelabur asing di Menara MAINS bagi meneroka peluang pelaburan di Negeri Sembilan.



kerjasama untuk melabur di Negeri Sembilan.

"Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan pelaburan di Negeri Sembilan dan Kerajaan Negeri akan

memastikan proses-proses yang berkaitan akan dipercepatkan supaya dapat pacu pelaburan yang lebih rancak.

"Kerajaan negeri turut komited untuk menambahbaik dan memperkasakan proses pelaburan di Negeri Sembilan bagi meningkat dan mengekalkan pelaburan langsung asing (FDI) dan domestik (DDI)," kata Teo.

Teo berkata, dalam sesi perjumpaan tersebut, beliau membuka peluang untuk pelabur asing berkongsi pandangan serta meneroka

Microsoft labur RM10.5 bilion dalam infrastruktur awan dan AI Malaysia

PUTRAJAYA: Malaysia akan menerima pelaburan RM10.5 bilion untuk membangunkan infrastruktur awan dan kecerdasan buatan (AI) daripada Microsoft Corporation.

negara dan menyokong pertumbuhan komuniti pembangun sistem di Malaysia," jelas Anwar.

Anwar berkata, Malaysia menyambut baik keputusan pelaburan ini yang membuktikan keyakinan mereka kepada asas ekonomi negara yang kukuh, dasar-dasar yang jelas dan terarah, selain mesra pelabur dan kestabilan politik.

"Pelaburan ini selari dan akan menjadi pendukung utama kepada

Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau dimaklumkan oleh CEO Microsoft, Satya Nadella dalam pertemuan mereka di Putrajaya bahawa ini adalah pelaburan yang terbesar selama 32 tahun syarikat gergasi itu beroperasi di negara ini.



"Satya memaklumkan bahawa gergasi teknologi Microsoft bersetuju untuk menambah pelaburan berjumlah USD2.2 bilion (RM10.5 bilion) dalam tempoh empat tahun mendatang.

fokus Kerajaan dalam membangunkan kapasiti AI dalam negara," ujar beliau.

Menurut Anwar lagi, beliau dan Satya sempat berdialog terkait perkara yang menyentuh hal teknologi yakni AI dan perancangan Kerajaan bagi mempersiapkan negara dengan arus perubahan ini.

"Pelaburan ini meliputi pembangunan sistem dan infrastruktur awan (cloud system) dan Kecerdasan Buatan (AI), pewujudan peluang kemahiran AI untuk tambahan 300,000 orang, penubuhan satu Pusat Kecemerlangan AI Nasional, mempertingkatkan kemampuan keselamatan siber

"Semoga kerjasama Malaysia dan Microsoft ini dapat membawa manfaat yang cukup besar kepada negara dan rakyat keseluruhannya," katanya.

Bantuan Perkahwinan RM500
setiap belia berumur 18 - 35 tahun yang mendirikan rumahtangga kali pertama.

YB DATO' SERI ANWAR IBRAHIM HADIRI MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN

www.n9.digital / Aplikasi N9 Digital

12 syarikat antarabangsa buka pejabat baharu di Kuala Lumpur

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim mengumumkan 12 syarikat modal teroka antarabangsa akan membuka pejabat dan pelaburan baharu bernilai berbilion di Kuala Lumpur.

Bercakap dalam Sidang Kemuncak KL20 2024, Anwar berkata, sejumlah syarikat berteknologi tinggi akan menyediakan kemudahan operasi, penyelidikan dan pembangunan serta ibu pejabat serantau untuk memberikan perkhidmatan ke pasaran Asia dan Asia Tenggara.

"Bagi sektor semikonduktor, pegangan besar Malaysia dalam proses akhir telah menjadikannya kondusif untuk meneruskan proses awal yang bernilai tinggi, terutama dalam kategori reka bentuk litar bersepadu.

"Kerajaan akan membina taman reka bentuk litar bersepadu terbesar di Asia Tenggara, yang akan menempatkan penyewa

utama bertaraf dunia dan bekerjasama dengan syarikat global seperti pereka cip British, Arm Holdings.

"Ini dilakukan dengan sokongan Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (SIDEK) dan Kerajaan Negeri Selangor," jelas Anwar.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, bagi menjadikan Malaysia sebagai pintu masuk yang sesuai kepada ekonomi utama, sambungan bandar ke bandar antara Kuala Lumpur dan Hangzhou akan dibuat supaya modal, bakat dan akses pasaran tidak lagi menjadi penghalang kepada kejayaan.

"Kerajaan meletakkan Malaysia sebagai paksi kepada peneraju dalam semikonduktor, tenaga bersih, teknologi pertanian dan teknologi kewangan Islam," ujarnya.

Dalam pada itu, Anwar berkata,



Sidang Kemuncak KL20 2024 dirangka secara strategik untuk memperkenalkan pembaharuan ketara yang bertujuan menarik pelaburan berkualiti dan bernilai tinggi dari seluruh dunia sambil pada masa yang sama memperkasakan usahawan tempatan untuk berkembang ke peringkat global dan merebut peluang yang baru muncul.

"Kerajaan Malaysia yang stabil

dan tadbir urus yang baik, legasi pro-perdagangan dan pendirian berkecuali memenuhi permintaan rakan dagang negara.

"Sidang kemuncak itu menandakan usaha menyeluruh kerajaan untuk memangkin ekosistem teknologi.

"KL20 secara strategiknya selari dengan falsafah ekonomi pentadbiran pusat kerajaan ini,

di bawah Rangka Kerja Ekonomi MADANI

"Ini didukung oleh prinsip bahawa pertumbuhan dan pengagihan ekonomi bergerak seiring dan pelarasan kerajaan mesti sejajar dengan kuasa pasaran," kata beliau.

SUMBER: Pejabat Perdana Menteri

Malaysia berkecuali dalam konflik perdagangan China dan Amerika Syarikat

ARAB SAUDI: Malaysia mengamalkan pendekatan dasar luar yang seimbang antara Barat dan Timur, selain mengelakkan sebarang keadaan yang dilihat sebagai

provokatif. Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim menyuarakan pendirian Malaysia semasa Sidang Plenari Pembukaan Mesyuarat Khas

World Economic Forum (WEF) di Riyadh, Arab Saudi. "Pendirian berkecuali Malaysia memudahkan MITI untuk menarik pelaburan dari negara China dan Amerika Syarikat walaupun wujud konflik perdagangan antara kedua-dua negara.

"Insyallah, kelebihan ini akan dimanfaatkan sebaiknya untuk terus meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelabur global," kata Anwar.



Sandvik buka kilang 'Load and Haul' di Bandar Sri Sendayan

SEREMBAN: Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun merasmikan syarikat pembuatan kenderaan galian dan perlombongan dengan teknologi canggih, Sandvik Equipment di Sendayan Techvalley, Seremban.

Aminuddin berkata, Sandvik Equipment merupakan sebuah syarikat internasional yang ditubuhkan sejak tahun 1862 dan merupakan syarikat pertama dalam dunia yang berjaya menghasilkan logam berskala industri dengan

menggunakan kaedah Bessemer.

"Sandvik Equipment Sdn Bhd merupakan syarikat yang pertama di Negeri Sembilan yang menawarkan kerja-kerja perkhidmatan galian dan perlombongan dengan teknologi yang lebih canggih.

"Terima kasih diucapkan kepada pihak Sandvik Equipment kerana sudi menjadikan Negeri Sembilan sebagai salah satu destinasi pelaburan syarikat mereka.



"Saya yakin dengan pelaburan ini bakal memberi impak yang signifikan kepada pembangunan ekonomi di Negeri Sembilan dan semestinya membuka ruang pekerjaan tenaga mahir kepada golongan belia di Negeri Sembilan.

"Saya juga sempat beramah mesra dengan kakitangan Sandvik yang terdiri dari anak-anak tempatan yang telah bekerja di kilang ini dengan menggunakan kelulusan Sijil Kemahiran TVET.

"Sandvik akan membuka lebih 300 peluang pekerjaan pada masa akan datang terutamanya bagi pekerja mahir (TVET)," kata Aminuddin.

Turut hadir, Presiden Sandvik Mining and Rock Solution, Mats Eriksson; Duta Besar Sweden ke Malaysia, H.E Dr. Joachim Bergstrom dan Duta Besar Finland ke Brunei dan Malaysia, H.E Mr. Sami Leino.

Al-Quran sumber utama tangani masalah umat hari ini

SEREMBAN: Al-Quran perlu menjadi sumber rujukan utama kepada umat yang semakin dihujani pelbagai masalah pada hari ini.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, hal ini kerana masalah yang dihadapi pada hari ini adalah bukan sekadar penyakit fizikal tubuh badan.

"Tetapi penyakit untuk manusia hari ini datang daripada dalaman dan memerlukan penawar kepada hati-hati mereka.

"Oleh itu, Al-Quran perlu dijadikan panduan untuk kita renungi dan tadabbur kerana ayat-ayat di dalamnya boleh dijadikan sebagai penawar.

"Ia juga boleh dijadikan petunjuk dan peringatan dalam diri kita untuk meneruskan kehidupan kita di dunia ini," kata Aminuddin.

"Di peringkat Kerajaan pula, Al-Quran turut dijadikan panduan seperti menjaga perpaduan dan keamanan yang bertepatan dengan surah Ali-Imran Ayat 103. "Hal ini kerana kita hidup

dalam sebuah negara yang mempunyai pelbagai bangsa dan budaya oleh itu agenda perpaduan semestinya sesuatu yang perlu didokong oleh semua orang," ujar Aminuddin.



1,349 rakyat Negeri Sembilan jadi tetamu Allah tahun ini



SEREMBAN: Seramai 1,349 rakyat Negeri Sembilan bakal menjadi tetamu Allah bagi menunaikan ibadah haji pada tahun ini.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, kita perlu bersyukur apabila terpilih untuk menunaikan ibadah ini.

"Hal ini kerana jumlah yang berpeluang untuk ke sana

hanyalah lebih kurang 3 peratus sahaja daripada seluruh rakyat Negeri Sembilan.

"Saya juga ingin mengingatkan kepada para jemaah supaya sekiranya terdapat mereka yang memerlukan bantuan, seperti warga emas yang uzur, supaya bantulah mereka.

"Jika kita hanya mengharap pegawai Tabung Haji sahaja, mereka tidak ramai, oleh itu ia adalah kesempatan untuk kita mempermudah urusan orang lain di sana.

"Ini kerana sewaktu di sana, kita adalah satu keluarga,

oleh itu hendaklah kita saling bantu-membantu," kata Aminuddin.

Aminuddin turut mengingatkan sekiranya terdapat kekurangan sewaktu berada di sana janganlah dengan mudah disebarluaskan ke dalam media sosial.

"Ini kerana kita adalah tetamu Allah, oleh itu kita perlu bersyukur dengan apa yang kita terima.

"Ia juga merupakan ujian kepada kita sewaktu berada di sana," ujar beliau.

'JEMAAH' inisiatif Kerajaan Negeri imarah masjid

SEREMBAN: Pelan Peningkatan Jemaah Masjid (JEMAAH) 2023-2024 yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Sembilan adalah sebagai satu usaha untuk mengimarhkan masjid di sekitar kawasan ini.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, melalui pelan tersebut terdapat empat inisiatif strategik yang bertujuan mengimarhkan

dan memakmurkan masjid di negeri ini.

"Antara usaha tersebut adalah mempromosi kempen ke masjid, melaksanakan program pengimarhan yang menarik, meningkatkan tadbir urus yang cekap dan sistematik serta menjadikan masjid sebagai Ummah Stop Center.

"Dalam pada itu, melalui Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) juga telah

memperuntukkan sebanyak RM624,000 sebagai insentif kepada seluruh Jawatankuasa Kariah Masjid Negeri Sembilan," kata Aminuddin.

Aminuddin berkata demikian bagi menjawab soalan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klawang, YB Dato' Ir. Bakri Sawir pada Persidangan Pertama (Perasmian) Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri Ke-15.



Penentuan arah kiblat menggunakan kaedah Istiwa' a'dzam

Istiwa' A'dzam 2024

MATAHARI

OBJEK LURUS

BAYANG-BAYANG OBJEK

ARAH KIBLAT

27 Mei 2024 5:18pm

15 Julai 2024 5:27pm

- 1) Istiwa' A'dzam adalah fenomena yang berlaku apabila matahari berada tepat di atas Ka'bah pada waktu tengah hari. Fenomena ini berlaku 2 kali dalam setahun.
- 2) Ketika fenomena ini berlaku, Ka'bah tidak mempunyai bayang-bayang kerana bentuknya yang tegak selain kedudukan matahari yang berada tepat di atas Ka'bah.
- 3) Semasa fenomena ini berlaku, kita boleh menyemak arah kiblat dengan tepat tanpa perlu membuat sebarang kiraan.
- 4) Anda perlu menegakkan kayu yang bersudut 90° pada tarikh dan masa tersebut. Arah kiblat adalah berlawanan dengan bayang-bayang (Sila rujuk gambar rajah). Sila rujuk jam Sirim atau Dail 1051 untuk mengetahui waktu tepat di Malaysia.

www.muftins.gov.my | Jabatan Mufti Negeri Sembilan

Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan

Terdapat banyak kaedah untuk menentukan arah kiblat.

Salah satu kaedah tersebut ialah ketika berlakunya Fenomena Istiwa' A'dzam yang berlaku pada 28 Mei dan 16 Julai pada setiap tahun.

Bagaimanapun, fenomena ini akan berlaku pada 25 Mei dan 15 Julai pada tahun ini kerana jatuh pada tahun lompat.

1) Istiwa' A'dzam adalah fenomena yang berlaku apabila matahari berada tepat di atas Ka'bah pada waktu tengah hari waktu Makkah.

2) Ketika fenomena ini berlaku, Ka'bah tidak mempunyai bayang-bayang kerana bentuknya yang tegak selain kedudukan matahari yang berada tepat di atas Ka'bah.


3) Semasa fenomena ini berlaku, kita boleh menyemak arah kiblat dengan tepat tanpa perlu membuat sebarang kiraan. Anda perlu menegakkan kayu (dengan sudut 90 darjah) pada

tarikh dan masa tersebut.

Arah kiblat adalah berlawanan dengan bayang-bayang (rujuk gambarajah).

Sila rujuk jam SIRIM atau dail 1051 untuk mengetahui waktu tepat di Malaysia.

Oleh: Jabatan Mufti Negeri Sembilan



Siri 2

Tuduhan Liwat Dan Qazaf Menurut Perspektif Undang-Undang



ZULKIFLI HASAN (PH.D)
Timbalan Menteri Agama,
Jabatan Perdana Menteri

Apakah Menuduh Orang Lain Melakukan Liwat Secara Paksa Dianggap Qazaf?

Pada asasnya, sesiapa yang menuduh sesiapa meliwat tanpa bukti empat orang saksi lelaki yang cukup syarat atau pengakuan tertuduh boleh dianggap melakukan jenayah Qazaf.

Ini menimbulkan persoalan bagaimana dengan kes liwat secara paksa. Adakah pihak yang mendakwa dilihat boleh menuduh seseorang melakukan liwat secara paksa dan terlepas daripada hukuman Qazaf?

Adakah pihak ketiga juga boleh menuduh orang lain melakukan liwat secara paksa dan bebas dari tuduhan melakukan Qazaf?

Dalam hal ini, penulis berpandangan bahawa umat Islam hendaklah berusaha untuk menjauhkan diri daripada sebarang perbuatan yang boleh menjerumuskan diri dengan dosa Qazaf walaupun tuduhan sebegini boleh memungkinkan boleh

terlepas daripada kesalahan Qazaf di atas dunia ini tetapi belum tentu di hari akhirat nanti.

Apabila membicarakan isu ini, perlu diingatkan bahawa hanya mangsa atau pihak yang mendakwa diliwat yang berhak untuk membuat tuduhan liwat secara paksa dan bukan pihak ketiga.

Bukan itu sahaja, orang yang mendakwa dirinya diliwat perlu mengemukakan bukti dan keterangan yang boleh diterima di Mahkamah bagi menyokong dakwaannya itu.

Keterangan dan bukti itu mesti menunjukkan bahawa adanya unsur paksaan dan jika dia tidak dapat mengemukakan bukti diliwat maka dia boleh dianggap melakukan tuduhan Qazaf terhadap seseorang.

Amaran keras mengenai dosa Qazaf ini dirakamkan Allah SWT di dalam al Quran yang bermaksud: 'Sesungguhnya orang-orang yang menuduh wanita-wanita yang baik-baik lagi beriman (dengan tuduhan berzina), mereka dilaknat di dunia dan di akhirat, dan bagi mereka azab yang besar.' - Surah Al Nur, 24: 23

Perlu diingatkan juga bahawa tuduhan melakukan liwat secara paksa adalah sama sekali tidak sama dengan tuduhan dalam kes gangguan seksual atau 'sexual harrasment'.

Tanggapan yang mengatakan bahawa kes liwat secara paksa boleh dianalogikan dengan gangguan seksual seperti dalam kes yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan baru-

baru ini adalah sesuatu yang mengelirukan dan jauh daripada kebenaran.

Berbanding liwat, gangguan seksual boleh berlaku tanpa adanya berlaku perlakuan hubungan seksual.

Oleh itu, beban pembuktian untuk pembuktian adanya unsur paksaan dalam kes gangguan seksual adalah berbeza dengan kes tuduhan liwat secara paksa.

Beban pembuktian kes liwat secara paksa memerlukan keterangan dan bukti yang kukuh bagi membuktikan bahawa adanya elemen paksaan.

Merujuk kepada isu adakah pihak ketiga atau sesiapa selain daripada mangsa liwat secara paksa boleh melakukan kesalahan Qazaf ia adalah sesuatu yang perlu diberikan perhatian secara amat berhati-hati.

Asasnya, tiada sesiapa termasuk pihak ketiga boleh menuduh sesiapa dengan tuduhan liwat sama ada secara paksa atau rela.

Walaupun bagaimanapun, dalam kes di mahkamah melibatkan tuduhan melakukan liwat yang dijalankan Pendakwa Syarie, Pendakwa Syarie hanya dianggap mewakili pihak yang mendakwa diliwat.

Isu pendakwa Syarie berpotensi melakukan Qazaf tidak lagi relevan kerana beliau hanya mewakili pihak yang mendakwa diliwat dan pendakwa syarie tidak boleh dijatuhkan hukuman kesalahan Qazaf sekiranya tidak dapat dibuktikan bahawa tertuduh telah melakukan liwat secara paksa.

Oleh itu, pendakwa syarie mesti menjalankan pendakwaan mewakili dan berdasarkan kepada maklumat dan keterangan oleh mangsa liwat yang mendakwa diliwat secara paksa.

Sekiranya pihak yang mendakwa diliwat mengatakan ia berlaku secara paksa maka pendakwa syarie tidak boleh pula mengatakan bahawa liwat berlaku secara sukarela seperti yang berlaku dalam kes liwat yang diputuskan di Mahkamah Persekutuan baru-baru ini.

Ia jelas bertentangan dengan dakwaan pihak yang mendakwa kena liwat dan ini menyalahi prinsip asal pendakwaan dalam kes zina dan liwat.

Adakah Qazaf Masih Relevan Dalam Kes Tuduhan Liwat Terhadap Seseorang yang Telah Disabitkan Kesalahan Seks Luar Tabii di Mahkamah Sivil?

Wujudnya tanggapan bahawa sesiapa tidak boleh dianggap melakukan Qazaf atau terlepas daripada kesalahan Qazaf apabila membuat tuduhan liwat terhadap seseorang yang telah disabitkan kesalahan seks luar tabii di Mahkamah Sivil.

Ini merupakan suatu tanggapan salah yang perlu diberikan perhatian. Umumnya, sabitan kesalahan di Mahkamah Sivil seperti yang diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan tidak bermakna seseorang itu berhak atau boleh membuat tuduhan liwat.

Malahan sebarang pertuduhan terhadap sebarang kesalahan seumpama ini hanya boleh dibuat

dihadapan hakim di Mahkamah Syariah.

Sabitkan kesalahan melakukan seks luar tabii di bawah Kanun Keseksaan di Mahkamah Sivil tidak membolehkan seseorang terlepas daripada kesalahan Qazaf apabila menuduh seseorang yang telah disabitkan kesalahan tersebut dengan tuduhan liwat.

Ini bersandarkan kepada pembuktian yang tidak menepati hukum syarak dan sabitan juga berlaku tidak berasaskan kepada sama ada kepada iqrar ataupun empat orang saksi lelaki.

Bukan itu sahaja peruntukan di bawah Hukuman yang diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan juga bukan merupakan hukuman hudud.

Walaupun telah disabitkan kesalahan di Mahkamah Sivil di bawah Kanun Keseksaan hatta di Mahkamah Syariah di bawah Enakmen Jenayah Syariah Negeri sekalipun, sesiapa sahaja tidak boleh membuat tuduhan liwat terhadap sesiapa pun melainkan ia dilakukan di Mahkamah.

Sebarang pertuduhan hanya boleh dilakukan di hadapan hakim di Mahkamah Syariah.



Sinar usaha usahawan Agropreneur Muda

Encik Lee Choon Kheong merupakan usahawan tani yang berjaya dan merupakan salah seorang penerima insentif di bawah Program Agropreneur bagi tahun 2021.

Beliau telah mengusahakan kebun seluas 12 hektar di Kampung Gadong Jaya, Seremban Negeri Sembilan.

Hasil daripada penerimaan geran ini telah berjaya membantu beliau melonjakkan hasil

pengeluaran dari 164,000 kilogram kepada 254,000 kilogram yang mana dapat menampung rangkaian pemasaran setempat samada secara borong mahupun jualan runcit secara berterusan bagi menampung keperluan masyarakat setempat secara khususnya dan Negeri Sembilan secara amnya.



Tahukah Anda

JENIS KANGKUNG

Kangkung adalah tanaman sayur jenis sayur yang digemari rakyat Malaysia.

Ia tergolong di dalam famili Convolvulaceae yang merupakan sejenis tumbuhan yang cepat tumbuh dan matang.

Terdapat dua jenis kangkung iaitu:

1. Kangkung tanah/darat (Ipomoea reptans poir)

Jenis yang tumbuh di atas tanah atau batas yang mempunyai batang yang tegak ke atas dan daun yang panjang menirus. Kebiasaannya ditanam untuk komersial.



2. Kangkung Air (Ipomoea aquatica forsk)

Jenis yang tumbuh di persekitaran berair seperti di kolam-kolam, parit atau tali air.

Pertumbuhan ia secara menjalar dengan daun berbentuk bujur.



Cari kaedah kurangkan kebergantungan import produk pertanian

PUTRAJAYA: Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Dato' Seri Mohamad Sabu telah mengadakan pertemuan dengan syarikat Agrotech Farming Sdn Bhd di Wisma Tani, Putrajaya.

Mohamad berkata, fokus perbincangan berkaitan dengan kaedah untuk mengurangkan kebergantungan kepada import produk pertanian dari luar negara.

"Saya lihat, syarikat Agrotech Farming ini mempunyai jaringan

hubungan yang baik dengan pengeluar produk pertanian di negara India yang berminat untuk menjalankan kerjasama untuk meluaskan pasaran di Malaysia.



"Syarikat juga mempunyai kepakaran penyelidikan dalam sektor pertanian khususnya penanaman organik.

"Saya telah menyarankan kepada Agrotech Farming untuk terlibat sama dalam MAHA 2024 nanti serta peluang dan ruang yang lebih besar akan tersedia dalam sesi padanan perniagaan yang bakal berlangsung di sana nanti," kata Mohamad.

Tuaian fasa kedua berjaya hasilkan satu tan bawang

PUTRAJAYA: Tuaian fasa kedua bawang merah tempatan yang melibatkan keluasan 0.25 hektar di Ladang Kampung Bikam, Sungkai, Perak telah berjaya menghasilkan bawang sebanyak satu tan metrik dari varieti BAW-1.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Dato' Seri Mohamad Sabu berkata, ini membuktikan bahawa bawang dapat

ditanam dan diusahakan di Malaysia.

"Insya Allah, Malaysia mampu mengurangkan kebergantungan kepada import bawang dari luar negara pada masa hadapan.

"Tahniah diucapkan kepada Jabatan Pertanian Malaysia dan MARDI di atas kejayaan projek perintis ini," kata Mohamad.



RUANG IKLAN UNTUK DISEWA

HUBUNGI 0105392654

Nak tahu apa yang terkini dan best tentang Negeri Sembilan?

LAYARI PORTAL NEGERI KITA

www.negerikita.org



Analisis Pilihan Raya Kecil Kuala Kubu Baharu 2024: Petunjuk Sokongan Terhadap Kerajaan Perpaduan Meningkatkan Dari Semua Kaum



Profesor Madya Dr Mazlan Ali
Penganalisis Politik Universiti Teknologi Malaysia

PENGENALAN

Pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kuala Kubu Baharu tahun 2024 ialah pilihan raya kecil pertama selepas pilihan raya negeri Selangor ke-15. Pilihan raya ini telah diadakan pada 11 Mei 2024 berikutan kematian penyandanganya, Lee Kee Hiong yang meninggal dunia pada 21 Mac 2023 akibat kanser.

Calon PH, Pang Sock Tao telah memenangi pilihan raya kecil DUN Kuala Kubu Bharu dengan meraih 14,000 undi, mengalahkan calon PN, Khairul Azhari Saut yang memperolehi 10,131 undi, Hafizah Zainudin (PRM) 152 undi dan Nyau Ke Xin (bebas) 188 undi. Majoriti yang diperolehi calon PH adalah sebanyak 3,869 undi. Kedua-dua calon bebas dan PRM yang turut bertanding telah hilang wang deposit. Dari segi demografi, Kuala Kubu Bharu adalah sebuah kawasan pilihan raya campuran, dengan pengundi Melayu membentuk 47 peratus pengundi atau 18,867 orang, Cina 31 peratus, atau seramai 12,444 orang, India 18 peratus atau 7,225 orang dan lain-lain pengundi adalah 2.1 peratus atau 1,605.

Rajah 1
STATISTIK PENGUNDI MENGIKUT KAUM PRK KUALA KUBU BAHRU, 2024

BIL	KAUM	JUMLAH	PERATUS
1	Melayu	18,867	47 %
2	Cina	12,444	31 %
3	India	7,225	18 %
4	Lain-lain	1,605	4 %

Sumber: SPR

Pilihan Raya Kecil ini melibatkan 18 pusat mengundi yang mengandungi 74 tempat mengundi atau saluran dibuka pada 8 pagi hingga 6 petang bagi membolehkan sebanyak 40,143 orang pengundi berdaftar telah melaksanakan tanggungjawab memilih wakil rakyat baharu mereka.

Sentimen dan trend sebelum pengundian

Sebelum hari pengundian, tinjauan oleh penulis mendapati pengundi etnik Melayu secara majoritinya mempamerkan sokongan kepada PN kerana pengaruh dan sentimen ethno-religious yang dibawa oleh parti gabungan tersebut. Tidak ramai yang menunjukkan sokongan terbuka kepada PH, namun terdapat juga sejumlah orang Melayu yang menunjukkan sokongan terhadap PH melalui rapat umum yang diadakan, namun adalah dipercayai mungkin bukan dari kalangan penduduk Kuala Kubu Baharu.

Kempen PN kelihatan lebih terarah di PDM majoriti Melayu seperti Bandar Utama Batang Kali, Ampang Pechah, Kampung Air Jernih dan Kerling. Ini adalah kawasan fokus yang menasaskan undi Melayu manakala bagi PH, PDM

majoriti Cina seperti Kampung Baharu Rasa, Kampung Baharu Batang Kali, Kampung Baharu Cina KKB, Hulu Yam Lama, Kampung Baharu Kerling dan Pekan Rasa. Ini adalah kawasan "fix deposit" yang menguasainya sejak empat penggal yang lalu. Pengundi Cina memang menunjukkan sokongan padu kepada PH berikutan isu-isu mutakhir yang berlaku di Malaysia menarik sokongan mutlak Cina terhadap PH. Di kawasan PDM India iaitu di Ladang Nigell Gardner dan Lembah Beringin serta PDM majoriti Orang Asal (di Pertak) menjadi rebutan antara PH dan PN. Undi kaum India pada awal nampak goyah di mana ramai dari responden India menyatakan kerajaan tidak memberikan bantuan dan perhatian yang sewajarnya kepada kaum India.

Keputusan Pilihan Raya Kecil Kuala Kubu Bharu, 2024

Keputusan dari PRK ini menunjukkan gabungan Kerajaan Perpaduan menghasilkan prestasi prestasi yang memberangsangkan. Sangat mengejutkan di mana berlaku peralihan (swing) bagi semua kaum kepada PH iaitu Melayu meningkat sebanyak 3.7 %, Cina meningkat 3.1 %, India 10.2 % dan lain-lain kaum 3.0 %. Paling membanggakan PH adalah kejayaan gabungan tersebut merampas dua Pusat Daerah Mengundi (PDM) majoriti Melayu yang dulunya (2023) telah dimenangi oleh PN.

Keputusan juga menunjukkan PH sangat popular di kalangan pengundi polis di Kuala Kubu Bharu, menurut sumber tidak rasmi di awal pengiraan. PH dilaporkan meraih 249 undi awal polis manakala PN memperoleh 47 undi. Perlumbaan itu dilaporkan lebih sengit dalam undi tentera, dengan PH memperoleh 84 undi dan PN 71. Secara keseluruhan, 592 pengundi awal dikatakan telah mengundi PH, 156 untuk PN dan masing-masing seorang untuk PRM dan calon bebas. Keputusan keseluruhan menunjukkan PH telah memenangi sebanyak 79 % undi awal.

Rajah 2
KEPUTUSAN PRK KUALA KUBU BAHRU

BIL	PARTI	JUMLAH UNDI	PERATUS
1	Perikatan Nasional (PN)	10,131	%
2	Pakatan Harapan (PH)	14,000	%
3	Bebas	188	%
4	Parti Rakyat Malaysia (PRM)	152	%

Sumber: SPR

Makna dari peningkatan undi Melayu dan Undi Awal kepada PH

Kejayaan PH meraih peningkatan sokongan terutamanya undi Melayu membawa makna yang sangat besar terhadap politik tanah air. Jika dilihat kepada prestasi parti yang bertanding dalam PRU Ke 15 tahun 2022 dan Pilihan Raya 6 Negeri pada tahun 2023, adalah sangat jelas bahawa majoriti daripada orang Melayu terutamanya di jalur negeri-negeri Pantai Timur dan Utara Semenanjung Malaysia, termasuk kawasan luar bandar majoriti Melayu di negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung Malaysia menyokong PN. Fenomena "gelombang hijau" adalah sesuatu realiti politik yang tidak boleh dinafikan sehingga fenomena ini yang menyebabkan UMNO Barisan Nasional mengalami kemerosotan teruk dan terhakisnya sokongan orang Melayu terhadap PH.

Namun, trend yang berbeza berlaku di Pilihan Raya Kecil Kuala Kubu Bharu ini. Perubahan sikap orang Melayu yang mula memperlihatkan trend menyokong Kerajaan Perpaduan menunjukkan keyakinan orang Melayu

Rajah 3
PERBANDINGAN SOKONGAN PH/BN MENGIKUT KAUM DUN KUALA KUBU BAHRU, 2023 DAN 2024

BIL	KAUM	2023	2024	PERATUS SWING
1	MELAYU	39.0%	42.7%	+ 3.7%
2	CINA	85.3%	88.4%	+ 3.1%
3	INDIA	60.0%	70.2%	+10.2%
4	LAIN-LAIN	60.1%	63.1%	+ 3.0%

Sumber: IDE, X Sim Tze Tzin

terhadap kewibawaan pentadbiran Perdana Menteri Ke-10. Keputusan undi awal yang memihak kepada PH juga menunjukkan tumpuan kerajaan membela kebajikan anggota keselamatan semakin jelas difahami dan diterima. Pada masa yang sama, keputusan ini juga menunjukkan bahawa kempen-kempen politik yang berdiri di atas isu sensitif seperti isu raja, kaum dan agama (3R) telah ditolak rakyat sementara kempen-kempen berdasarkan KPI dan penyelesaian kepada masalah rakyat mulai diterima terutama orang Melayu.

Adalah diyakini bahawa, perubahan dan usaha transformasi yang dilakukan oleh Kerajaan Perpaduan seperti mewujudkan kestabilan politik, usaha-usaha Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim meningkatkan keyakinan antarabangsa telah meningkatkan inisiatif pelaburan asing yang bakal menggerakkan ekonomi negara dengan lebih cemerlang serta meningkatkan peluang kerja kepada rakyat. Ini terbukti dengan penurunan kadar pengangguran dan kadar inflasi negara yang kekal rendah. Inisiatif kerajaan Madani yang meningkatkan inisiatif subsidi dalam belanjawan serta keputusan kerajaan Madani mengkaji dan menaikkan gaji kakitangan awam sangat menggembirakan orang Melayu yang mulai yakin dengan agenda Kerajaan Perpaduan yang disertai oleh semua parti utama di Semenanjung Malaysia serta parti-parti utama di Sabah dan Sarawak.

Hubungan erat yang dibina pada masa yang singkat antara parti-parti komponen dalam Kerajaan Perpaduan iaitu Pakatan Harapan, Barisan Nasional, GPS, GRS dan beberapa parti lain telah memberi keyakinan kepada semua rakyat Malaysia berbilang kaum bahawa Kerajaan Madani yang memiliki sebanyak 153 sokongan dari Ahli Parlimen mampu menawarkan kestabilan kepada negara dan seterusnya mampu membawa Malaysia ke arah era yang lebih maju dan makmur.

Keputusan PRK Kuala Kubu Bharu yang menunjukkan peningkatan sokongan Melayu dan undi awal (majoriti anggota PDRM dan Tentera adalah Melayu) juga tidak boleh menafikan sumbangan UMNO Barisan Nasional yang mulai menunjukkan rentak yang semakin baik. Tinjauan penulis sewaktu kempen-kempen sebelum hari pengundian, kelihatan jentera UMNO dan Barisan Nasional kelihatan begitu mantap terutama jentera wanitanya yang telah turun padang dan berjaya memberi keyakinan kepada orang Melayu bahawa Kerajaan Madani bukanlah kerajaan yang dikawal oleh DAP, sebaliknya sebuah kerajaan yang menjunjung perjuangan agenda Melayu.

Karya Pilihan

Angelo Taj

#523 TUKANG PUISI / 27 Oktober 2023

demi mu Palestina!

tanah ini akan menumbuhkan zaitun
 dari darah ibu-ibu tua yang terbunuh
 salam kemanusiaan telah sampai ke telinga kami
 dari jihad pemuda-pemuda yang mengangkat senjata
 peluru-peluru mereka janji-janji Allah
 yang tak didustakan ceritanya
 Perang Taufan ini, siklon yang mengamuk
 dahagakan nyawa sebagai permainannya
 pintu-pintu yang telah tertutup
 ada saudara-saudara yang menunggu sahutannya
 hypersonik, mortar, dan seribu jiwa-jiwa yang berkobar
 kau akan menang bagai Ababil dari neraka
 demi mu Palestina!
 kami menunggu laungan intifada-Nya
 agar bibir ini jua merasai gugus zaitun halal tanah mu
 dan tidak kami dipersoal kezaliman tangan-tangan ini di kecek dunia
 Tel Aviv! kau akan menjadi kuburan zionis!
 dalam sajak-sajak kebebasan saudara kami Palestina!
 bangkit wahai semesta, jangan lagi kau berairmata di mimpi manusia.

PEDANG ZIONIS

Pedangmu
 cuma terlihat tajam
 di mata jagat
 sedang di mata langit
 tumpul berkarat

Meski terkelar leher syuhada'
 masih tak mampu memutuskan
 urat nadi keimanan

Meski terbelah tanah anbiya'
 masih tak dapat melupuskan
 janji dalam al-Quran

Pedangmu
 ditempa dari dendam
 disadur dari zulmat
 tidak akan menjadi
 semakin tajam dan berkilat
 malah semakin tumpul
 di karatkan genosid yang bacul

Zionis
 matamu ternyata telah buta
 di pukau silau egois
 dari kilau pedangmu sendiri
 sedangkan pedang Tuhan
 sudah terletak di urat lehermu
 yang amat tipis!



DR. ISTAJIB MOKHTAR



Rumah Harapan Rakyat NSDK 2024

Membantu golongan
berpendapatan
rendah untuk
membina rumah
di tanah sendiri.



YB DATO' SERI AMINUDDIN BIN HARUN
MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN



www.n9.digital / Aplikasi N9 Digital

UJANG & INDUK



HANTAR KARYA ANDA!

Negeri Kita ingin membuka ruang kepada seluruh rakyat Negeri Sembilan yang ingin menghantar karya kreatif bagi terbitan Negeri Kita edisi akan datang.

Hasil kreatif tersebut boleh di hantar ke:
bmsmedia.ns@gmail.com

Setiap hasil kreatif akan menerima cenderahati dari pihak negerikita.

Karya kreatif tersebut boleh seperti:

1. Kartun
2. Lukisan
3. Tulisan sajak / puisi
4. Cerpen
5. Seloka rakyat
6. Sinopsis buku

Sila sertakan maklumat asas seperti nama, alamat dan nombor telefon.



Gemencheh berpotensi lokasi pelancongan

SEREMBAN: Terdapat beberapa produk pelancongan yang berpotensi dipromosikan di kawasan Gemencheh.



Exco Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan, YB Nicole Tan Lee Koon (PH-Bukit Kepayang) berkata, antaranya adalah Tugu Peringatan Sungai Kelamah, Bukit Nior, Bukit Tok Saih dan Estet Ikan Sungai Jernih.

“Lokasi ini juga turut dipromosikan dalam peta pelancongan atau fun map daerah Tampin.

“Selain itu juga, penganjuran acara Tampin MTB Jamboree Gemencheh 2024 merupakan acara tahunan bagi

daerah Tampin yang dimasukkan dalam kalendar acara pelancongan (CoE) Negeri Sembilan.

“Gemencheh juga popular dengan tanaman mamin di mana ianya boleh menjadi lokasi tarikan pelancong.

“Sebagai contoh, ianya boleh dipakejkan menjadi lawatan ke ladang dan demonstrasi masakan rendang mamin,” kata beliau. Menurut Nicole Tan lagi, Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan

(LPNS) bersama-sama PDT dan PBT Daerah Tampin akan turun padang bagi melihat potensi kawasan pelancongan yang sedia ada untuk dinaik taraf selanjutnya dipromosikan.

Nicole Tan berkata demikian bagi menjawab pertanyaan ADUN Gemencheh, YB Suhaimizan Bizar (BN) pada Persidangan Pertama (Perasmian) Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri Ke-15.

RM495,000 peruntukan tambah baik Taman Eko Rimba Lenggeng

SEREMBAN: Sebanyak RM495,000 telah diluluskan bagi membuat penambahbaikan di Taman Eko Rimba Lenggeng.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato’ Seri Utama Aminuddin Harun berkata, peruntukan tersebut akan digunakan bagi pembaikan tebing sungai lama kepada jenis konkrit dan bertangga.

“Empangan juga akan dibina untuk dijadikan sebuah kolam mandi, di samping menaik taraf tapak perkhemahan dan pembersihan sisa konkrit kolam lama.

“Selain itu, pembinaan tapak gerai juga akan dibina kerana Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan merancang untuk menyediakan tapak berniaga di dalam kawasan

Taman Eko Rimba Lenggeng pada tahun ini.

“Bagi peringkat awal, pihak jabatan akan menyediakan tapak berniaga bagi food truck atau gerai bergerak dengan kapasiti maksimum sebanyak tiga unit bagi satu-satu masa,” kata Aminuddin.



Aminuddin berkata demikian bagi menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lenggeng, YB Mohd Asna Amin di Persidangan Pertama Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan yang ke-15.

Tindakan akan diambil bagi atasi ancaman hidupan liar

SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan melalui Jabatan Perhilitan akan mengambil tindakan bagi menyelesaikan masalah ancaman hidupan liar yang mengganggu ketenteraman awam.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato’ Seri Utama Aminuddin Harun berkata, usaha-usaha yang dijalankan ini adalah dilaksanakan secara berterusan berdasarkan penerimaan aduan yang diterima oleh pihak Jabatan Perhilitan.

“Selain itu, kepentingan awam juga akan diutamakan bagi menangani musuh tanaman dan ancaman kepada manusia.

“Antara usaha yang diambil dalam mengatasi masalah hidupan liar lebih-lebih lagi spesies Harimau Kumbang dan Kera yang mempunyai aduan tertinggi September tahun lalu adalah

Program Bersepadu bersama Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Penubuhan Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Konflik Hidupan Liar Peringkat Negeri Sembilan, Pematuhan Pelan Pengurusan Hidupan Liar dan Siasatan dan Pemasangan Perangkap bagi aduan gangguan yang diterima,” kata Aminuddin.



Aminuddin berkata demikian bagi menjawab soalan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Menanti, YB Muhammad Sufian Maradzi di Persidangan Pertama Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan yang ke-15.

Ribuan pengunjung hadir Program 520 Sungei Ujong Walk



Sekitar suasana Program 520 yang bertempat di N9 Sungei Ujong Walk.

KETUA HAKIM SYARIE NEGERI SEMBILAN

DATO' KAMAL BASHAH BIN DATO' AHMAD TAJUDDIN

Kelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LL.B) UIA dan Sarjana Pentadbiran dan Kehakiman Islam (LL.M) UIA

Pendidikan Awal SK Ampangan dan SMK King George V

Yang Amat Arif Dato' Kamal Bashah Dato' Ahmad Tajuddin telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Ampangan, Seremban.

Kemudian mendapat pendidikan menengah di Sekolah Menengah King George V, Seremban sehingga ke Tingkatan Enam.

Beliau kemudiannya menyambung pelajaran di International Islamic University Malaysia pada tahun 1990 di peringkat Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang LL.B.

Selepas itu beliau menyambung post-graduate Diploma in Administration and Islamic Judiciary dan seterusnya di peringkat Sarjana LL.M di universiti yang sama.

Beliau memulakan kerjaya beliau sebagai Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya selepas tamat chambering di Tetuan Kamalia Ibrahim & Co.

Setelah lebih kurang dua tahun beramal, beliau memasuki perkhidmatan kerajaan.

Jawatan-jawatan yang pernah disandang:

- Pendaftar Mahkamah Rayuan/Tinggi Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan
- Hakim Mahkamah Rendah Syariah Port Dickson
- Hakim Mahkamah Rendah Syariah Rembau
- Penolong Pengarah Kanan Penyelidikan JKSM
- Peguam Syarie di Jabatan Bantuan Guaman
- Ketua Pendakwa Syarie Negeri Sembilan
- Pegawai Penyelidik Kanan kepada Ketua Pengarah JKSM
- Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan
- Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan
- kini menjawat jawatan Ketua Hakim Syarie Negeri Sembilan.

Beliau telah dilantik sebagai Pensyarah Sambilan USIM untuk Diploma in Judicial and Advocatory Practice (DIJAP) sehingga kini.

Beliau adalah pemegang tauliah mengajar agama di Negeri Sembilan pengkhususan kepada undang-undang Syariah.

Beliau juga dilantik menjadi tenaga pengajar bagi pegawai-pegawai syariah di peringkat Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Kasih ibu bapa dihargai, kasih guru diingati

Setiap kejayaan pasti ada pendorong kuat di belakangnya, tidak lain tidak bukan ibubapa anda sendiri.

Syabas dan tahniah kepada para ibubapa, kerana anak-anak anda telah mencapai satu kejayaan yang amat membanggakan bukan sahaja kepada keluarga tetapi kepada negeri.

Kerana segenggam pengorbanan dan kasih-sayang mereka anda berjaya, bak kata pepatah:

"kasih ibubapa sepanjang jalan, kasih anak sepanjang penggalan".

Balaslah budi dan jasa ibubapa dan para pensyarah, jangan melupakan jasa orang yang membantu anda ibarat meninggalkan puntung suluh di anak tangga.

Budaya kacang lupakan kulit bukan budaya kita.

"Kalau menebang si pohon jati Papan di Jawa dibelah-belah Kalau hidup tidak berbudi Umpama pokok tidak berbuah"

Pesan ikhlas saya, kekalkan kerendahan hati dan sumbangkan semula ilmu dan kemahiran anda semua kepada masyarakat.

YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun
Menteri Besar Negeri Sembilan



BANTUAN KOMPUTER RIBA ANAK NEGERI SEMBILAN

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN:

- ✓ Pemohon atau Ahli Keluarga tidak pernah menerima bantuan Komputer Riba Yayasan Negeri Sembilan.
- ✓ Pemohon kelahiran di Negeri Sembilan. (05/59/31)
- ✓ Telah menetap dan bersekolah di Negeri Sembilan sekurang-kurangnya 6 tahun (Untuk bukan kelahiran Negeri Sembilan)
- ✓ Hanya layak kepada pemohon peringkat pengajian Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Sahaja sepenuh masa di Institut Pengajian Tinggi AWAM (IPTA)
- ✓ Pelajar tahun akhir TIDAK LAYAK untuk memohon

MOHON SEKARANG

06-7828048 / 7828048

Tingkat 11, Bangunan Yayasan Negeri Sembilan
Jalan Yam Tuan 70000 Seremban, Negeri Sembilan

admin@yans.gov.my

PMX diberi sambutan rasmi lawat Kyrgyzstan, Kazakhstan dan Uzbekistan



PUTRAJAYA: Perdana Menteri, YB Dato' Seri Anwar Ibrahim diberi sambutan rasmi sempena lawatan beliau ke tiga negara Asia Tengah iaitu Kyrgyzstan, Kazakhstan dan Uzbekistan.

Sewaktu lawatan sulung ke Republik Kyrgyzstan, Anwar menghadiri pertemuan dengan Perdana Menteri Republik Kyrgyzstan, Akylbek Zhaparov.

"Kami bertukar pandangan mengenai isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama.

"Walhasil, pertemuan ini telah mengukuhkan lagi hubungan dan kerjasama antara kedua-dua negara selain bertukar kepakaran terkait aspek pelaburan, pendidikan, halal, pengurusan haji dan pelancongan.

"Lawatan sulung ke Republik Kyrgyzstan sangat penting untuk menerokai peluang dan situasi menang-menang antara kedua-dua negara.

Anwar disambut Datuk Bandar Astana, Zhenis Kassymbek dan Mufti Besar Grand Mosque of Astana merangkap Pengerusi Spiritual Administration of Muslims of Kazakhstan (MUFTYAT), Sahibus Samahah Nauryzbai Taganuly Optenov.

"Keindahan dan keunikan masjid ini tiada tolok bandingnya dan saya berasa sangat kagum serta bertuah kerana diberi penghormatan untuk melihat dan meninjau masjid besar ini dari dekat," kata Anwar.

Destinasi terakhir Anwar dalam lawatan rasmi ini ialah Uzbekistan.

Anwar dan delegasi Malaysia dibawa ke Istana Presiden Kuksaroy dan disambut dengan majlis sambutan rasmi oleh Presiden Uzbekistan, Shavkat Mirziyoyev.



"Pastinya, Malaysia dan Republik Kyrgyzstan akan mengorak langkah untuk masa depan baharu lebih gemilang menerusi pelbagai usaha dan kerjasama yang telah disusun menerusi lawatan bersejarah ini," ujar Anwar.

Usai urusan kenegaraan di Kyrgyzstan, Anwar dan delegasi Malaysia berlepas ke sebuah lagi negara di benua Asia Tengah iaitu Kazakhstan untuk lawatan rasmi dua hari.

Sebaik sahaja tiba di Astana iaitu pusat pentadbiran Kerajaan Kazakhstan, Anwar telah disambut oleh rakan sejawatan, Olzhas Bektenov.

Sebaik sahaja istiadat kawalan kehormat, Anwar dibawa untuk menziarahi Astana Grand Central Mosque iaitu masjid terbesar Asia Tengah yang juga antara 10 masjid terbesar dunia yang baru sahaja siap dibina dua tahun lalu.



"Saya dan Presiden Shavkat memeriksa barisan kawalan kehormat, sebelum kami saling memperkenalkan anggota jemaah menteri masing-masing.

"Saya juga dibawa menelusuri sejarah hebat ketamadunan negara ini di Bukhara, selain mempelajari sejarah gerakan Sufi Naqshbandi.

"Pengalaman yang amat berharga sepanjang saya dan delegasi Malaysia berada di Uzbekistan.

"Semoga persahabatan utuh yang terjalin dengan pimpinan dan warga Uzbekistan akan membawa limpahan kemakmuran buat kedua-dua negara," ujar Anwar lagi.



Rafah kini mula dicemari darah

EDZWAN ASHRAF

RAFAH: Kawasan perlindungan terakhir buat saudara kita yang sedang berjuang di Palestin, kini sudah diserang oleh tentera rejim zionis.

Makin hari, makin gila serangan yang dilakukan oleh rejim tersebut. Tanpa mengira jantina dan umur, mereka tetap melakukan penjarahan tersebut.

Sementara itu, Kementerian Luar Negeri Malaysia, mengancam sekeras-kerasnya serangan yang dilakukan pada awal Mei lalu. Serangan berterusan ke atas orang awam juga adalah amat zalim terutamanya kepada kanak-kanak dan wanita yang berlindung di kem-kem yang sangat padat.

Malaysia juga mendakwa bahawa serangan yang dilakukan oleh Israel itu adalah bagi mengelakkan kerjasama bagi tujuan keamanan selepas Hamas menerima cadangan gencatan senjata.

Dalam pada itu, 'pendamai' kepada dua belah pihak ini, Amerika Syarikat, mengambil keputusan untuk menghentikan penghantaran bom ke Israel bagi mengelakkan angka kematian orang awam meningkat.

Sehingga hari ini, lebih 34,000 rakyat Palestin terkorban disebabkan serangan yang dilakukan oleh rejim zionis ini.

Hari Ibu penuh duka di Gaza

EDZWAN ASHRAF

GAZA: Tarikh 12 Mei sepatutnya menjadi sebuah tarikh penghargaan kepada semua para ibu di seluruh dunia. Namun, Lain kisahnya di Gaza, Palestin, yang hidup dalam serba kekurangan selepas kediaman mereka dimusnahkan oleh kapal terbang rejim zionis.

Kebanyakan mereka berpindah ke Al-Mawasi yang terletak di barat bandar Rafah, tanpa kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, sanitasi, hospital, ataupun kedai roti.

Sementara itu, ibu kepada lapan orang anak, Hanan Abu Jabal, berasa sayu kerana kehilangan seorang daripada anak lelakinya dalam serangan udara yang dilakukan oleh zionis Israel.

"Hidup kami sangat sukar, dipindahkan, kehilangan bekalan makanan, air dan pakaian, menghadapi risiko pembunuhan beramai-ramai.

"Kami melalui peristiwa yang tidak pernah kami saksikan sebelum ini," kata Hanan.

Hanan merupakan salah seorang daripada lebih sejuta wanita yang terkepung selama 18 tahun oleh Israel.

Bilakah semua ini akan berakhir? Manakah campur tangan negara-negara Islam yang lain? Apakah kita semua hanya mampu melaungkan tanpa sebarang bantuan dihulurkan?



Atlit cilik Muay Thai Negeri Sembilan wakili Malaysia



SEREMBAN: Anak kelahiran Negeri Sembilan, Adik Hana Umairah Mohd Faizal yang bernaung di bawah Persatuan Muay Thai Negeri Sembilan bakal bertanding di Kejohanan Muay Thai Remaja Dunia 2024 (IFMA) di Bangkok pada bulan September nanti.

Hana Umairah yang berumur 14 tahun bakal bertanding di bawah kategori Wai Kru Mai Muay iaitu kategori berat 50 kilogram dan berumur antara 10-23 tahun.

Kini Hana Umairah sedang berlatih dan melakukan persiapan di Kelab Warisan Muay Thai di Bandar Baru Ampangan di bawah bimbingan jurulatih Mohd Faizal Mohd Hanif.

Kejohanan ini akan berlangsung dari 11 hingga 20 September 2024.

FunWalk Jom Cergas Komuniti Jelebu Jom Bakar Lomak Ghayo

Program FunWalk Jom Cergas Komuniti Jelebu Jom Bakar Lomak Ghayo telah diadakan di Kuala Klawang.

FunWalk kali ini sejauh 3.5km dengan bakar kalori kira-kira 300cal.

Bermula dari Dewan Besar Kuala Klawang, melalui Muzium Adat-Masjid Lama dengan Checkpoint pertama di sekitar Surau Kampung Bukit Ulu Jelebu. Seterusnya Masjid Kuala Dulang,

jambatan Sarin-Hotel Sri Klawang dan kembali ke Dewan Besar.

Pelbagai program lain juga diadakan seperti pameran, pemeriksaan kesihatan, pertandingan melukis, sukaneka dan cabutan bertuah juga diadakan.

Peserta yang menyertai program sihat seumpama ini mahu ianya diteruskan pada masa akan datang.



Semarak Hari Belia Negara Peringkat Daerah Tampin 2024

Golongan belia merupakan kelompok masyarakat yang perlu diberi perhatian dan pengiktirafan di semua peringkat sebagai langkah melestarikan budaya belia berpersatuan.

Tanggal 15 Mei setiap tahun telah diwartakan sebagai sambutan Hari Belia Negara yang sudah pastinya dinantikan oleh seluruh masyarakat belia Malaysia.

Bertemakan 'Yakin Boleh', program Semarak Hari Belia Negara Peringkat Daerah Tampin Tahun 2024 telah diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Mohd Taha, Gemenchek yang dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gemenchek, YB Suhaimizan Bizar.

Lebih daripada 250 orang belia daripada Majlis Belia Daerah Tampin serta gabungan NGO dan pelajar sekolah ini hadir memeriahkan sambutan dan aktiviti yang telah diadakan.

Pelaksanaan program ini merupakan sebahagian daripada aktiviti yang menyumbang ke arah kemeriahan sambutan Hari Belia Negara Peringkat Negeri Sembilan yang akan diadakan pada 18 – 19 Mei 2024 di Kompleks Belia dan Sukan Paroi.

Pelaksanaan program secara serentak di seluruh Malaysia ini melibatkan 187 daerah bertujuan untuk menyemarakkan suasana dan bahang Sambutan Hari Belia Negara Peringkat Negeri dan Kebangsaan serta menaikkan semangat kecintaan dan patriotisme kepada golongan belia serta terus menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara.

Turut hadir memeriahkan majlis ini, Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Tampin, Encik Khairulhafizan Dollah; Pengetua SMK Dato' Mohd Taha, Encik Syed Nasir Syed Mohideen; Pegawai Pembangunan Rakan Muda Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sembilan, Encik Zul Fadli Ahmad; Pegawai Belia dan Sukan Daerah Tampin, Encik Kajurin @ Kaddly Ujin dan Timbalan Pengerusi Majlis Belia Daerah Tampin, Encik Fadhil Ashraf Azmy.

Terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung bagi pelaksanaan program ini.

Semoga kerjasama yang erat ini dapat diteruskan lagi demi pembangunan belia di daerah Tampin khususnya. - (Pejabat Belia dan Sukan Daerah Tampin).



Azzmi galas tugas kendali NSFC

SEREMBAN: Azzmi Ab Aziz kini sah mengendali Negeri Sembilan Football Club (NSFC) sekaligus memadamkan pelbagai desas desus yang bermain dikalangan penyokong.

Mungkin ramai yang tidak tahu selepas Azzmi menjadi jurulatih interim Kedah Darul Aman FC, beliau melatih skuad Piala Presiden Negeri Sembilan pada 2020 hingga 2022.

Pengendali berusia 49 tahun itu sebelum ini membimbing pasukan PDRM FC sebelum mengendalikannya NSFC bagi menggantikan K.Devan yang telah menamatkan kontrak.

Menurut Azzmi, pemilihan pemain NSFC sudah dibuat lebih awal dengan mengekalkan beberapa pemain musim lalu dan membawa masuk pemain

baru termasuk bekas pemain PDRM.

"Adalah sangat penting untuk saya bekerja dengan pemain yang saya kenal.

"Pemain seperti Nasrullah Hanif, Barathkumar, Afiq Fitri dan Amirul Hakimi merupakan antara pemain yang pernah bersama saya sebelum ini.

"Insya Allah kita dapat

persembahkan bola sepak yang lebih baik dan mendapat keputusan yang lebih positif," kata Azzmi.



NSFC sambar Mika, penyerang prolifik dari Sepanyol

Penyerang dari Sepanyol, Miguel Angel Junco, secara rasminya telah diumumkan menyertai Negeri Sembilan FC musim ini.

Lebih dikenali dengan nama panggilan Mika, pemain yang berusia 31 tahun ini bakal mengetuai jentera serangan Negeri Sembilan FC dalam saingan Liga Super yang bakal bermula 12 Mei 2024.

Ketua Jurulatih Negeri Sembilan FC, Azzmi Ab Aziz berkata, ketibaan Mika dijangka memberi impak yang positif kepada pasukan, terutamanya pada bahagian serangan. Menurutnya, ia penting dalam usaha pasukan untuk meningkatkan prestasi dalam saingan liga.

pasukan serta menambah pilihan strategi dalam permainan. "Saya yakin dengan pengalaman dan reputasinya, serta kerjasama dari semua pemain, pasukan kita dapat memberi saingan yang baik musim ini," katanya lagi. Bagi Mika pula, ini kali pertama beliau beraksi di Malaysia. Beliau mengikuti rapat perkembangan bola sepak di Asia Tenggara kerana pernah beraksi di Liga Premier Kemboja bersama pasukan Svay Rieng.

Bekas penjaring terbanyak dan pemain terbaik Ykkösligi (Divisyen 2 Finland) musim 2022 ini nyata teruja untuk mewakili pasukan Negeri Sembilan FC.

"Sudah tentu saya mahu membantu pasukan dan menjaringkan gol sebanyak yang boleh. Saya mengenali kelab ini ketika beraksi di Kemboja dan saya gembira dapat beraksi bersama pasukan ini," ujar Mika yang beraksi bersama pasukan FC KTP di Liga Finland pada musim 2020, 2022 dan 2023.

Bersama FC KTP, Mika telah beraksi sebanyak 61 perlawanan. Beliau telah menjaringkan sebanyak 36 gol serta mencatatkan 10 bantuan gol.

Keputusan untuk mengambil Mika sebagai penyerang baharu menunjukkan tekad pasukan untuk meningkatkan prestasi dalam saingan Liga Super 2024 – 2025.

Dengan sokongan padu dari penyokong, pasti Mika dapat membantu skuad Hobin Jang Hobin mencapai matlamat yang disasarkan musim ini.

Berusia 31 tahun, penyerang yang berasal dari Sepanyol ini memiliki ketinggian 1.77 m.

Beliau menyertai Negeri Sembilan FC dari kelab Finland, FC KTP.

Mika bakal menggunakan jersi bernombor 9 musim ini.

Sumber/Kredit: Negeri Sembilan Football Club

"Kehadiran beliau diharapkan dapat membantu meningkatkan kestabilan



YAYASAN NEGERI SEMBILAN

BANTUAN SARA HIDUP MAHASISWA ANAK NEGERI SEMBILAN

SYARAT PERMOHONAN:

- ANAK KELAHIRAN NEGERI SEMBILAN ATAU TELAH BERMATAUTIN SEKURANG-KURANGNYA 6 TAHUN
- HANYA LAYAK KEPADA PEMOHON DI PERINGKAT DIPLOMA DAN IJAZAH SARJANA SAHAJA
- INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM SAHAJA
- TERBUKA KEPADA PEMOHON SEMESTER 1 HINGGA TAMAT PENGAJIAN

DAPATKAN BORANG PERMOHONAN DAN MAKLUMAT LANJUT DI DENGAN MENGIMBAS KOD QR BERIKUT

KOLEJ YAYASAN NEGERI SEMBILAN
GENTAM, 72000 KUALA PILAH
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

TAWARAN BIASISWA TVET MADANI NS

TEMUDUGA TERBUKA KEPADA LEPASAN SPM ANAK NEGERI SEMBILAN

Kemeriahkan seri
Jan & Julai 2024

Bidang TVET

- Front Office (Hotel Management)
- Fashion Designer
- Office Management
- Culinary
- Pastry
- Automotive Technology
- Electrical Technology

Kemudahan / Faedah

- Biasiswa TVET Madani Negeri Sembilan merangkumi yuran latihan, yuran penginapan dan yuran makan

HUBUNGI KAMI: 06-4811384
013-8111512

KOLEJ YAYASAN NEGERI SEMBILAN,
GENTAM, KUALA PILAH

Syarat Kemasukan

Warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas, anak Negeri Sembilan atau ibu bapa kelahiran Negeri Sembilan atau bermatautint lebih dari 10 tahun



SUKAN NEGERI KITA

Negeri Sembilan sasar lebih 19 pingat emas di SUKMA Sarawak

SEREMBAN: Kontinjen Negeri Sembilan mensasarkan kutipan lebih 19 pingat emas pada temasya SUKMA Ke-21 di Sarawak pada 17 hingga 24 Ogos ini.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, bagi SUKMA kali ini, Negeri Sembilan meletakkan sasaran ranking di bawah 10 (Satu Digit) dan sasaran pingat emas melebihi 19 seperti mana pencapaian Kontinjen Negeri

Sembilan dalam SUKMA Ke-20 yang lepas.

"Kontinjen Negeri Sembilan akan diwakili seramai 500 orang termasuk atlet, jurulatih, pengurus pasukan, pasukan perubatan dan sekretariat.

"Bagi SUKMA kali ini, Kontinjen Negeri Sembilan akan menyertai 30 acara dari 37 acara sukan yang akan dipertandingan.

"Saya berharap Kontinjen Negeri Sembilan yang diketuai oleh Exco Pembangunan Belia dan Sukan, YB Mustapha Nagoor dapat membuktikan kemampuan kontinjen kali ini untuk berjaya melepasi sasaran yang ditetapkan," katanya.

Aminuddin berkata demikian di Majlis Kunjungan Menteri Belia dan Sukan Sarawak, YB Dato' Sri Abdul Karim Rahman Hamzah



Sempena Promosi SUKMA Ke-21 dan PARA SUKMA Ke-21 di Wisma Negeri, Seremban.

Negeri Sembilan sertai 30 acara di SUKMA Sarawak

SEREMBAN: Kontinjen Negeri Sembilan akan menyertai 30 acara daripada 37 acara yang akan dipertandingkan di SUKMA Ke-21 di Sarawak pada 17 Ogos hingga 24 Ogos ini.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, acara sukan tersebut adalah Akuatik, Squash, Badminton, Tenpin Boling, Berbasikal, Wushu, Bola Keranjang,

Sofball, Tenis, Bola Sepak.

"Selain itu, Lawan Pedang, Bola Tampar, Memanah, E-Sport, Menembak, Ragbi, Olahraga, Muaythai, Hoki, Petanque, Taekwondo, Tinju, Karate-do, Catur, Lawn Bowls, Kabaddi, Pencak Silat, Silambam, Sepak Takraw, Gimrama dan Gimnastik Artistik.

"Walau bagaimanapun, sebanyak tujuh acara tidak

disertai oleh Negeri Sembilan ialah Angkat Berat, Golf, Bola Jaring, Pelayaran, Kriket, Judo dan Ping Pong.

"Kontinjen Negeri Sembilan ke Sarawak akan menggunakan perkhidmatan syarikat Penerbangan MAS.

"Pegawai dan pasukan akan bertolak secara berperingkat mulai 8 Ogos 2024," jelas Aminuddin.

Negeri Sembilan Seven Wonders Challenge promosi produk pelancongan di setiap daerah

KUALA PILAH: Negeri Sembilan Seven Wonders Challenge akan dianjurkan di setiap daerah selama tujuh bulan dengan matlamat pembudayaan sukan untuk semua dan amalan gaya hidup sihat di kalangan orang ramai.

Exco Pembangunan Belia dan Sukan Negeri Sembilan, YB Mustapha Nagoor berkata, program ini juga sebagai platform untuk mempro-

mosikan tempat atau produk pelancongan di setiap daerah di Negeri Sembilan.

"Seramai 1,000 peserta telah menyertai acara ini di lokasi pertama di Gunung Angsi, Ulu Bendul.

"Selain peserta dari Negeri Sembilan, turut menyertai karnival sukan ini adalah peserta dari Perlis, Terengganu, Johor, Melaka dan Selangor," katanya.

